



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***INTELEKTUALISME DALAM LIMA NOVEL ANWAR RIDHWAN  
DARI SUDUT PERSURATAN BARU***

**NUR FATIHA FADILA BINTI ABU BAKAR**

**FBMK 2014 58**



# INTELEKTUALISME DALAM LIMA NOVEL ANWAR RIDHWAN DARI SUDUT PERSURATAN BARU

Oleh

NUR FATIHA FADILA BINTI ABU BAKAR


Tesis ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan Untuk  
Ijazah Master Sastera

Oktober 2014

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia





Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
Sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**INTELEKTUALISME DALAM LIMA NOVEL ANWAR RIDHWAN  
DARI SUDUT PERSURATAN BARU**

Oleh

**NUR FATIHA FADILA BINTI ABU BAKAR**

**Oktober 2014**

**Pengerusi: Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD**

**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Tesis ini bertitik tolak daripada sorotan literatur yang mengenal pasti beberapa kecenderungan penting yang mengiringi resepsi kritis terhadap karya-karya Anwar Ridhwan. Ini merujuk kepada kecenderungan yang jelas dalam kalangan sarjana dan pengkritik sastera yang memperakukan adanya nilai-nilai intelektualisme dalam novel-novel Anwar Ridhwan. Perakuan ini seiring dengan kenyataan Anwar Ridhwan sendiri yang memang mengakui pentingnya intelektualisme dalam karya sastera termasuklah dalam karya-karya hasil nukilan beliau. Sorotan ini turut mengenal pasti kecenderungan dalam kalangan beberapa sarjana dan pengkritik sastera yang secara jelas meragui dan mempertikaikan dakwaan tentang adanya nilai-nilai intelektualisme dalam karya-karya Anwar Ridhwan. Adalah jelas daripada sorotan literatur ini bahawa dalam soal intelektualisme dalam karya-karya Anwar Ridhwan, wujud percanggahan pendapat yang memperlihatkan tiadanya kata sepakat dan kesimpulan yang jitu. Dalam konteks ini, tesis ini memproblematikkan soal percanggahan pendapat dengan memberikan fokus terhadap soal intelektualisme dalam novel-novel Anwar Ridhwan. Untuk itu, tesis ini distrukturkan bagi mencapai dua objektif penting. Pertama, menganalisis isian wacana dan isian cerita novel-novel Anwar Ridhwan. Kedua, merumuskan soal intelektualisme dalam novel-novel Anwar Ridhwan. Bagi mencapai kedua-dua objektif ini, tesis ini memilih untuk menerapkan gagasan Persuratan Baru (seterusnya PB) cetusan Mohd. Affandi Hassan, sebagai kerangka analisis. Pemilihan ini didasarkan kepada prinsip penting PB yang memberikan keutamaan terhadap aspek ilmu termasuklah intelektualisme dalam penghasilan dan penghayatan karya sastera. Tesis ini menjadikan lima novel Anwar Ridhwan sebagai bahan kajian. Novel-novel ini dipilih berdasarkan kepada resepsi kritis yang cenderung memperagakan novel-novel ini sebagai novel yang membawakan nilai intelektualisme. Dengan menerapkan PB, analisis ini mendapati novel-novel yang dikaji menyerlahkan kecenderungan yang ketara dalam memanipulasi aspek cerita dan menggembangkan sepenuhnya alat-alat penceritaan. Penggembangan ini didapati telah meminggirkan aspek ilmu temasuklah intelektualisme yang menjadi fokus kajian. Tesis ini menyimpulkan apa yang didakwa oleh sarjana dan pengkritik

sastera sebagai intelektualisme itu pada hakikatnya merujuk kepada manifestasi cerita, dan bukannya pemikiran yang dijana melalui pembinaan wacana intelektual.



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Masters of Art

**INTELLECTUALISM IN FIVE ANWAR RIDHWAN'S NOVEL  
FROM THE IDEA OF GENUINE LITERATURE**

By

**NUR FATIHA FADILA BINTI ABU BAKAR**

**Oktober 2014**

**Chairman: Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD**

**Faculty: Bahasa Moden dan Komunikasi**

This thesis stems from a literature review which has identified few important tendencies in Anwar Ridhwan's work. The tendencies are referred to the opinion among the scholar and literature critics where some of them applaud the existence of intellectualism in his novel. This opinion also aligned with the author's own statement where he agrees to the importance of intellectualism in literature including in his own pieces. The literature review also identified the conflicting opinion among few scholars and critics whom clearly doubt and criticize the existence of intellectual value in Anwar Ridhwan's pieces. The review clearly potrayed this conflicting opinion. In this context, this thesis explore the main issue on the conflicting views by focusing on the existence of intellectual aspect in his novels. The thesis has been structured in such a way in order to achieve two objectives. The first objective is to analyse discourse content and narrative content in Anwar Ridhwan's novels. The second objective is to conclude the intellectualisme question traced in his novels. To achieve both objectives, this thesis adopt 'Persuratan Baru' (PB), an idea promoted by Mohd Affandi Hassan, as an analysis framework. The selection of the framework is based on the PB primary principle which gives higher priority to the knowledge including intellectualism in producing and appreciating literature work. The thesis uses five Anwar Ridhwan novels as a study material. They are selected based on the critics that tend to promote the novels as a piece of work that carry intellectual value. By adopting PB framework, the analysis found that the novels reveal the strong tendency in manipulating the narrative aspect and maximize the story telling tools. This combination has left out the knowledge aspect including intellectualism which is primary focus of the study. The thesis concludes that intellectualism, as what has been pointed out by scholars and critics, is actually referred to the presentation of story and rather than the thinking aroused from intellectual development discourse.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, selawat dan salam atas junjungan Nabi Muhammad SAW. Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT yang mengizinkan saya menyempurnakan tesis ini. Dengan rahmat dan kurnia-Nya, tesis ini lulus dan sampai ke tatapan pembaca. Tesis ini merupakan hasil penyelidikan dan penulisan yang saya usahakan sejak September 2012 hingga Februari 2015. Ketika draf tesis ini diserahkan untuk penilaian, judul tentatif yang saya ajukan ialah “Intelektualisme dalam Novel Anwar Ridhwan”. Walau bagaimanapun, judul tesis ini telah diubah suai seperti yang tertera berdasarkan saranan Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis dan Jawatankuasa Kecil Semakan Tajuk Tesis UPM.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani, guru dan penyelia yang menjalankan tanggungjawab dengan penuh kesungguhan dan kesabaran. Penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Haji Mohd. Affandi Hassan, pencetus gagasan Persuratan Baru. Sesungguhnya, perkenalan dengan Persuratan Baru merupakan satu nikmat yang amat saya syukuri.

Lautan penghargaan kepada Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas atas tulisan-tulisan dan kuliah-kuliah beliau yang begitu bermakna. Ucapan terima kasih kepada Profesor Ungku Maimunah Mohd. Tahir atas ilmu pengetahuan yang diberikan menerusi tulisan-tulisan beliau. Turut dihargai ialah guru-guru di Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM); Profesor Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud, Profesor Dr. Muhammad Zainy Uthman, Profesor Madya Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah, Dr. Mohd. Zaidi Ismail, Dr. Mohd. Sani Badron, Dr. Mohd. Farid Mohd. Shahran, Dr. Adi Setia Md Dom dan En. Roslan Jelani. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada Profesor Madya Dr. Arba'ie Sujud dan Dr. Norazlina Mohd. Kiram atas pandangan-pandangan yang diberikan. Turut dihargai ialah Dr. Nik Rafidah Muhammad Affendi dan Dr. Zulkarnain Mohamed yang bertanggungjawab meneliti dan menilai tesis ini.

Dalam kesempatan ini, ucapan terima kasih ditujukan kepada Perpustakaan Sultan Abdul Samad (UPM), Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Za'ba (UM), Perpustakaan Tun Seri Lanang (UKM), Pusat Dokumentasi Melayu (DBP) dan Arkib Negara Malaysia kerana memberikan kerjasama sepanjang proses penyelidikan dilakukan. Tidak dilupakan terima kasih kepada pihak Universiti Putra Malaysia atas pembentukan yang diberikan menerusi Skim Penyelidikan Siswazah Khas (SGRA).

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada Ustaz Mohd. Shahrizal Nasir, En. Muhammad Zarif Hassan@Zulkifli dan En. Khoshim Nasir Malim atas bantuan dan perkongsian pengetahuan. Tidak dilupakan penghargaan kepada Nur Syafiqa Yusoff dan Norziati Mohd. Rosman atas dorongan yang diberikan.

Sekalung penghargaan kepada Dato' Dr. Anwar Ridhwan dan En. Zakaria Ariffin yang sentiasa memberikan galakan dalam perjalanan akademik saya. Kepada Puan Julia Juis, guru yang setia membantu dan mendoakan kejayaan saya, terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga atas segalanya. Semoga Allah SWT memberikan kebaikan kepada kalian di dunia dan di akhirat.

Akhir sekali dan teristimewa, setinggi-tinggi kesyukuran saya kepada Allah SWT atas nikmat-Nya mengurniakan saya seorang ibu, Allahyarhamah Rambelah binti Maryam (1951-2012), yang semasa hayatnya sentiasa berkorban demi kebahagiaan dan cita-cita saya, ibu yang sentiasa memberikan kepercayaan dan keizinan untuk saya mencapai cita-cita.

Semoga tesis ini memberi manfaat kepada agama, masyarakat dan negara, dan diterima sebagai amal jariah di sisi Allah SWT.

Selamatlah jiwa yang sempurna.  
Salam Intifadah.

Nur Fatiha Fadila Abu Bakar  
Bandar Baru Selayang  
25 Februari 2015

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 28 Oktober 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nur Fatiha Fadila binti Abu Bakar bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Intelektualisme Dalam Lima Novel Anwar Ridhwan Dari Sudut Persuratan Baru" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Zaitul Azma binti Mohamad Hamzah, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Nik Rafidah binti Muhamad Affendi, PhD**

Pensyarah

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Zulkarnain Mohamed, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

(Pemeriksa Luar)

---

**NORITAH OMAR, PhD**

Profesor Madya dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

**Tarikh:**

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Arba'ie Sujud, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**Norazlina Mohd. Kiram, PhD**

Pensyarah

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

**Tarikh:**

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini ialah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Nur Fatiha Fadila binti Abu Bakar (GS33947)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan : Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan : Arba'ie Sujud, PhD

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan : Norazlina Mohd. Kiram, PhD

## KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>GLOSARI</b>	xii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Sorotan Literatur	2
1.3 Permasalahan Kajian	27
1.4 Objektif Kajian	29
1.5 Kerangka Analisis	29
1.6 Batasan Kajian dan Bahan-bahan Kajian	31
1.7 Definisi Operasional: 'Intelektualisme'	32
1.8 Organisasi Pembahagian Bab	39
<b>2 ANWAR RIDHWAN SEBAGAI SASTERAWAN INTELEKTUAL</b>	
2.1 Pengenalan	41
2.2 Latar Belakang Keluarga dan Pendidikan	41
2.3 Anwar Ridhwan dalam Kesusasteraan Melayu Moden	45
2.4 Hadiah dan Pengiktirafan	52
2.5 Peranan Kesusasteraan Daripada Kaca Mata Anwar Ridhwan	55
2.6 'Intelektualisme' dan Anwar Ridhwan	57
<b>3 PERSURATAN BARU SEBAGAI KERANGKA ANALISIS</b>	
3.1 Pengenalan	63
3.1.1 Mohd. Affandi Hassan Sebagai Pencetus Gagasan Persuratan Baru	63
3.1.2 Pengalaman dan Kerjaya	66
3.1.3 Kegiatan Penulisan	66
3.1.4 Pengiktirafan dan Resepsi Kritis	69
3.2 Konteks Kehadiran Persuratan Baru dalam Kesusasteraan Melayu Moden	78
3.2.1 Kecemerlangan Tradisi Persuratan Melayu	79
3.2.2 Sekularisme dan Kemunculan Konsep 'Sastera Moden' di Barat	84
3.2.3 Sekularisasi Sastera Melayu	89
3.3 Persuratan Baru	92
3.3.1 Hakikat Insan	92
3.3.2 Hakikat Ilmu dan Amal	100

3.3.3	Hakikat dan Fungsi Sastera	106
3.3.4	Alat-alat Analisis Teks Menurut Gagasan Persuratan Baru	116
<b>4</b>	<b>ANALISIS INTELEKTUALISME DALAM NOVEL ANWAR RIDHWAN</b>	
4.1	Pengenalan	120
4.2	Intelektualisme dalam <i>Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman</i>	121
	4.2.1 Pengejapan Paksi Naratif	122
	4.2.2 Pembentukan Ruang Naratif	123
	4.2.3 Penggembangan Isian Cerita	123
	4.2.4 Penilaian Moral Cerita	136
4.3	Intelektualisme dalam <i>Arus</i>	141
	4.3.1 Pengejapan Paksi Naratif	141
	4.3.2 Pembentukan Ruang Naratif	142
	4.3.3 Penggembangan Isian Cerita	143
	4.3.4 Penilaian Moral Cerita	152
4.4	Intelektualisme dalam <i>Di Negeri Belalang</i>	155
	4.4.1 Pengejapan Paksi Naratif	156
	4.4.2 Pembentukan Ruang Naratif	157
	4.4.3 Penggembangan Isian Cerita	158
	4.4.4 Penilaian Moral Cerita	166
4.5	Intelektualisme dalam <i>Naratif Ogonshoto</i>	167
	4.5.1 Pengejapan Paksi Naratif	169
	4.5.2 Pembentukan Ruang Naratif	170
	4.5.3 Penggembangan Isian Cerita	174
	4.5.4 Penilaian Moral Cerita	176
4.6	Intelektualisme dalam <i>Penyeberang Sempadan</i>	179
	4.6.1 Pengejapan Paksi Naratif	180
	4.6.2 Pembentukan Ruang Naratif	181
	4.6.3 Penggembangan Isian Cerita	182
	4.6.4 Penilaian Moral Cerita	188
4.7	Rumusan Analisis Novel-Novel Anwar Ridhwan	189
4.8	Implikasi Penerapan Gagasan Persuratan Baru dalam Analisis Novel-novel Anwar Ridhwan	190
<b>5</b>	<b>PENEMUAN DAN KESIMPULAN</b>	191
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	198
	<b>LAMPIRAN</b>	221
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	223

## GLOSARI

*Di Negeri Belalang*

Dewan Bahasa dan Pustaka

Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2012

*Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*

Ikatan Sastera Universiti Malaya

*Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 2009*

*Laporan Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2000/2001*

*Laporan Hadiah Sastera Perdana 2012*

*Naratif Ogonshoto*

*Penyeberang Sempadan*

Persuratan Baru

Pusat Dokumentasi Melayu

- *DNB*
- *DBP*
- *HSPM 2012*
- *HHTSS*
- *ISUM*
- *LPASN 2009*
- *LHSPM 2000/2001*
- *LHSPM 2012*
- *NO*
- *PS*
- *PB*
- *PDM*

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Anwar Ridhwan (seterusnya Anwar) bukan nama asing dalam lapangan kesusastraan Melayu. Anak kelahiran Sungai Besar, Kuala Selangor ini mula menceburkan diri dalam bidang penulisan sejak awal 1970-an. Bermula sebagai mahasiswa jurusan Pengajian Melayu di Universiti Malaya, beliau kemudiannya mencipta nama yang kukuh dalam persada sastera sehingga bergelar Sasterawan Negara. Meskipun dari segi jumlah karya, ada pihak yang berpendapat bahawa Anwar tidak seprolifik beberapa Sasterawan Negara yang lain seperti Shahnon Ahmad, A. Samad Said dan Arenawati, namun sebahagian besar karya beliau mendapat pengiktirafan dan perhatian.<sup>1</sup> Pengiktirafan dan perhatian terhadap karya-karya beliau bermula sejak awal penglibatannya dalam kesusastraan Melayu. Ini jelas apabila novel pertamanya bertajuk *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* memenangi Hadiah Pertama GAPENA-Yayasan Sabah 1979. Ini diikuti dengan novel keduanya bertajuk *Arus* (1985) yang memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1984/1985. Pada tahun 1992, drama hasil nukilan beliau bertajuk *Orang-orang Kecil* (1990) dan *Yang Menjelma dan Menghilang* (1992) memenangi Hadiah Utama Yayasan Seni-Berita Harian 1990. *Yang Menjelma dan Menghilang* kemudiannya memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1992/1993.

Seterusnya, novel keempat Anwar bertajuk *Naratif Ogonshoto* (2001) memenangi Hadiah Sastera Perdana (2001) dan Hadiah Sastera Majlis Asia Tenggara (MASTERA) pada tahun 2002. Pada tahun yang sama, Anwar turut terpilih sebagai penerima S.E.A. Write Award daripada keluarga diraja Thailand. Hampir satu dekad selepas itu, beliau kemudiannya tampil dengan novel *Penyeberang Sempadan* yang memenangi Hadiah Sako 3 2012 (kategori Karya Nasional) dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2012.<sup>2</sup> Selain kemenangan dalam sayembara dan hadiah sastera, karya-karya Anwar juga dianggap layak untuk diketengahkan ke peringkat antarabangsa. Ini jelas apabila beberapa karya beliau diterbitkan di Indonesia, selain diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Arab, Belanda, Hungary, Inggeris, Jepun, Jerman, Korea, Macedonia, Mandarin, Perancis, Rusia, Tamil, Thai, Urdu dan Vietnam.

<sup>1</sup> Anwar mengakui bahawa beliau bukan penulis yang prolifik ketika diwawancara editor *Dewan Sastera*, Disember 2002, hlm. 9.

<sup>2</sup> Selain karya-karya yang tersebut, novel ketiga Anwar iaitu *Di Negeri Belalang* (1989) meskipun tidak menerima apa-apa hadiah, namun tidak boleh diketepikan dalam rekod kecemerlangan Anwar sebagai sasterawan. Ini kerana *Di Negeri Belalang* mendapat pujian panel Anugerah Sastera Negara 2009 dan sekali gus menyumbangkan merit bagi penganugerahan itu. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk buku *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 2009* (selepas ini disebut LPASN 2009), hlm. 33-34.

Selanjutnya, kecemerlangan rekod Anwar di persada kesusasteraan Melayu turut memungkinkan beliau menerima beberapa pengiktirafan tinggi. Antaranya, darjah Dato' Paduka Mahkota Selangor (DPMS) yang membawa gelaran Dato' pada tahun 2002. Selain itu ialah Anugerah Sastera Negara yang ke-10, iaitu satu anugerah sastera yang dianggap paling berprestij, yang dikurniakan kepada para sasterawan yang dinilai telah memberikan sumbangan yang besar dalam dunia kesusasteraan di Malaysia.<sup>3</sup> Sebagai penerima, Anwar menerima hadiah wang berjumlah RM 60 ribu, selain ganjaran dan kemudahan berkarya seperti pembelian karya-karya beliau oleh Kerajaan Malaysia dalam kuantiti tidak kurang daripada 50,000 naskhah untuk diedarkan ke sekolah, perpustakaan, jabatan dan agensi kerajaan. Selain itu, karya Anwar juga dijanjikan untuk diterjemahkan ke dalam bahasa asing (*Laporan Panel Anugerah Sastera Negara*, 2009:viii).

Seterusnya, dalam konteks perhatian dan pengiktirafan ini jugalah, kajian ini mengesan satu kecenderungan yang jelas dikaitkan dengan karya-karya Anwar. Kecenderungan ini merujuk kepada perakuan dan puji terhadap karya-karya beliau yang dikatakan mengandungi ‘pemikiran’ yang mendalam dan ‘intelektual’ sifatnya.<sup>4</sup> Perakuan ini, antaranya terkandung dalam *Laporan Anugerah Sastera Negara 2009* (seterusnya *LPASN 2009*), seperti yang akan dikupas secara lebih lanjut nanti. Perakuan yang sama turut diberikan oleh beberapa pengkritik sastera, seperti yang akan diamati dan dibahaskan secara lebih lanjut dalam bahagian seterusnya.

## 1.2 Sorotan Literatur

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, pengamatan awal mendapati bahawa aspek ‘intelektualisme’ cenderung dikaitkan oleh para pengkritik sastera dalam pengiktirafan dan puji mereka terhadap karya-karya Anwar Ridhwan. Untuk itu, perbincangan dalam bahagian ini akan memberikan tumpuan terhadap kecenderungan tersebut dengan meneliti sejumlah kajian dan tulisan ilmiah berkaitan. Perbincangan kritis terhadap kajian-kajian sedia ada akan dilakukan pada bahagian analisis nanti.

Perbincangan dimulakan dengan artikel tulisan Umar Junus bertajuk “*Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* dan *Naratif Ogonshoto*: Wajah Novel Anwar Ridhwan” (2002). Dalam artikel ini, Umar Junus meneliti dua novel iaitu bertajuk

<sup>3</sup> Anugerah ini dikurniakan oleh Yang Dipertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin pada 20 Oktober 2009, bertempat di Hotel Palace of Golden Horses, Seri Kembangan. Pada bahagian Prakata buku *LPASN 2009* tercatat kriteria berikut: “Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam “Warkah Dasar” Anugerah Sastera Negara, pencalonan bagi Anugerah ini haruslah memenuhi “syarat-syarat mengemukakan calon” yang antaranya, pencalonan hendaklah mengemukakan hujah secara bertulis berdasarkan: penilaian mengenai karya sastera calon tersebut, **penilaian tentang sumbangan fikiran calon tersebut** yang berkaitan dengan dunia sastera, dan penilaian yang saksama tentang kegiatan calon tersebut yang mendorong ke arah pembinaan dan pengembangan sastera kebangsaan [Penekanan ditambah] (hlm. vii).

<sup>4</sup> Sebagai kata kunci yang bakal dibahaskan lebih lanjut dalam kajian ini, istilah-istilah khusus antaranya ialah ‘ilmu’, ‘wacana’, ‘pemikiran’, ‘falsafah’, ‘intelektual’ dan ‘intelektualisme’ dalam perbincangan selanjutnya akan disertakan dengan tanda (‘ ’) sehingga satu takrifan kerja dikenal pasti dan diuraikan nanti.

*Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* dan *Naratif Ogonshoto* yang dikatakan telah menonjolkan aspek ‘intelektualisme’. Merujuk kepada novel *Naratif Ogonshoto*, Umar Junus berpendapat bahawa novel ini merupakan sebuah karya ‘intelektual’ yang sesuai untuk bacaan golongan ‘intelektual’, seperti yang disebutnya, “Novel Anwar lebih mendorong khalayaknya berfikir, memikirkan sesuatu tentang apa-apa yang dibaca” (Umar Junus, 2002:26). Aspek ‘intelektualisme’ dalam *Naratif Ogonshoto* dianggap tercermin dengan jelas pada cerita tentang reaksi rakyat terhadap watak Presiden yang memerintah Kepulauan Ogonshoto (sebuah negara fiktif) secara kuku besi. Dengan paparan cerita sedemikian, Umar Junus berpendapat bahawa karya Anwar ini dapat menjentik ‘pemikiran’ khalayak tentang pemerintahan politik yang korup dan mendapat tentangan rakyat. Selain itu, Umar Junus turut memuji *Naratif Ogonshoto* yang dianggapnya telah berjaya menerapkan teknik penceritaan yang realistik. Perakuan ini merujuk kepada peta Kepulauan Ogonshoto (dunia fiktif novel) yang disertakan pada bahagian permulaan novel, yang dianggap oleh Umar Junus sebagai teknik yang dapat meyakinkan pembaca terhadap kewujudannya. Ini sekali gus dianggap menyerlahkan kekuatan teknik penceritaan Anwar yang merangsang ‘intelek’ pembaca, seperti yang diperakui Umar Junus, “Peta itu menyebabkan saya berfungsi untuk *mengkonkritkan peristiwa sesuai fungsi ilustrasi*” [huruf condong ditambah] (Umar Junus 2002:24). Umar Junus juga memperakukan keputusan Anwar menghadirkan peta sebagai wajar dan perlu bagi memberi ruang kepada pembaca ‘intelektual’ membuat pentafsiran terhadap karya, seperti yang disebutnya, “Kerana itu [keperluan pembaca membuat tafsiran], Anwar berasa perlu untuk menyertakan peta kepulauan Ogonshoto yang ada di tengah Lautan Pasifik [huruf condong ditambah sebagai penekanan kepada soal teknik] (Umar Junus, 2002:24). Menurutnya lagi, adalah menjadi tanggungjawab intelektual bagi pembaca novel untuk memastikan peristiwa yang terjadi dalam novel, tidak berlaku di dunia nyata, seperti disebutnya, “Meskipun Ogonshoto telah tiada dan keadaan itu tidak mungkin berulang di Ogonshoto, hal ini tidak bererti berakhirnya *tugas intelektual pembaca* novel ini” [huruf condong ditambah] (Umar Junus, 2002:26). Dengan kata lain, teknik penceritaan yang menghadirkan peta sebuah negara fiktif, dan peristiwa-peristiwa kekejaman seorang pemimpin, sebagaimana yang dilakukan Anwar dalam *Naratif Ogonshoto*, ditanggapi Umar Junus sebagai manifestasi ‘intelektualisme’. Selain itu dan tidak kurang penting, Umar Junus turut memperakukan wujudnya nilai kelslaman dalam *Naratif Ogonshoto*. Ini merujuk kepada cerita tentang bahtera besar yang dibina oleh watak seorang nakhoda sebagai persediaan untuk menghadapi banjir besar. Menurut Umar Junus, cerita ini diinspirasi daripada Kisah Nabi Nuh yang terdapat dalam al-Qur'an (Umar Junus, 2002:24,26).

Seterusnya, merujuk kepada novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* pula, Umar Junus tertarik kepada strategi Anwar menghadirkan Pak Hassan sebagai watak protagonis yang pasif yang diceritakan berhadapan dengan musibah. Menurut Umar Junus, penampilan watak yang pesimistik terhadap ujian hidup, dianggap telah mencipta ‘kelainan’ kepada novel ini. Ini kerana rata-rata novel Melayu yang lain menurut Umar Junus, lebih cenderung menghadirkan watak-watak yang agresif sebagai manifestasi pemberontakan manusia terhadap musibah, seperti yang ditulisnya, “Pasrah [pesimis] memberikan *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* suasana tenang. Inilah yang membezakannya daripada kebanyakan novel lain yang menyuarakan pemberontakan” (Umar Junus, 2002:20). Pada pandangan Umar Junus juga, pelukisan watak pesimistik ini mampu menjentik daya intelek pembaca ‘intelektual’ untuk memahami beban hidup masyarakat bawahan yang dianggapnya kurang bijak dalam menangani ujian hidup, seperti yang dinyatakan (2002:20-21):

Anwar menceritakan nasib malang orang kecil yang hanya menerima sesuatu tanpa melawan, malah tanpa tahu akan apa-apa yang menimpa. Anwar bercerita bukan kepada orang kecil. *Dia bercerita kepada khalayak yang intelektual dan tugas intelektual ialah membebaskan orang kecil daripada beban [huruf condong ditambah.]*

Petikan di atas jelas memperlihatkan pemahaman Umar Junus yang memperakukan adanya ‘intelektualisme’ dalam *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, dan ‘intelektualisme’ ini menurutnya dimanifestasikan pada teknik penceritaan yang lain daripada novel-novel Melayu yang lain.

Seterusnya, pengamatan ini beralih kepada artikel tulisan Awang Azman Awang Pawi (seterusnya Awang Azman) bertajuk “*Naratif Ogonshoto*: Perspektif Wacana Kuasa dan Hegemoni” (2002). Tulisan Awang Azman ini dilihat cenderung mengangkat novel *Naratif Ogonshoto* sebagai sebuah karya yang sarat dengan ‘wacana’. Kecenderungan ini, antaranya jelas apabila Awang Azman memanfaatkan teori pascamodenisme dan konsep ‘hegemoni’ sebagai kerangka kritikannya. Dengan menerapkan kerangka tersebut, analisis Awang Azman menganggap *Naratif Ogonshoto* mengetengahkan kritikan terhadap pihak tertentu. Lebih signifikan lagi, kritikan ini menurut Awang Azman, disampaikan oleh Anwar dengan cara kritikan yang halus, iaitu dengan menyembunyikan makna melalui teknik perlambangan bagi menghasilkan lapisan makna tertentu. Adalah jelas bahawa pada Awang Azman, teknik yang diguna pakai oleh Anwar ini menyerlahkan ‘kelainan’ dan sekali gus membezakan Anwar dengan sasterawan negara yang lain. Sebagai usaha menonjolkan kelainan novel Anwar ini, Awang Azman membandingkan kritikan halus dalam *Naratif Ogonshoto*, dengan kritikan yang dianggapnya sebagai ‘kasar’ oleh Shahnon Ahmad dalam beberapa novelnya seperti *Shit, Muntah* dan *Anjing* (Awang Azman, 2002:11). Justeru, dengan ‘kelainan’ inilah, Awang Azman berpendapat *Naratif Ogonshoto* wajar dibaca dengan teliti bagi

memahami makna khusus yang tersembunyi. Ternyata teknik penyembunyian makna ini bukan sahaja disifatkan Awang Azman sebagai ‘kelainan’, tetapi juga satu kekuatan *Naratif Ogonshoto*. Kekuatan ini merujuk kepada pandangannya, bahawa teknik penyembunyian makna ini memungkinkan *Naratif Ogonshoto* hadir di tangan pembacanya sebagai sebuah ‘novel wacana’.<sup>5</sup> Meskipun begitu, tulisan Awang Azman ini tidak pula memperincikan dengan jelas apa yang dimaksudkannya dengan ‘novel wacana’.

Sementara itu, dalam tulisannya yang lain bertajuk “Antara Cerita, Kuasa dengan Ilmu” (2009), Awang Azman turut memperakukan *Naratif Ogonshoto* sebagai karya yang berhasil daripada gabungan pengalaman dan ‘ilmu’. Tulisan ini cenderung mengangkat novel Anwar itu sebagai wadah ‘intelektual’ dan bukan sekadar alat hiburan. Kecenderungan ini jelas apabila Awang Azman membangkitkan tentang usaha Anwar menggunakan serangkaian alat penulisan seperti ‘penghujahan dan penjelasan’ (ungkapan Awang Azman sendiri) bagi menegakkan apa yang beliau nyatakan sebagai ‘wacana’ (Awang Azman, 2009:48). Penggunaan teknik penulisan ini dianggapnya telah menonjolkan aspek ‘intelektualisme’ novel ini, seperti yang ditulisnya, “Pengarang memanfaatkan unsur isi dan alat penulisan untuk mencapai darjah yang terbaik dalam memberikan perspektif terhadap minda pembacanya” (Awang Azman, 2009:47). Kedua-dua tulisan Awang Azman ini dengan jelas memperakukan aspek ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar, yang merujuk kepada strategi Anwar menggunakan teknik perlambangan bagi menyembunyikan makna sebenar novel, dan aplikasi teknik penceritaan yang dikatakan menghadirkan ‘wacana’.

Selanjutnya, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (seterusnya Intan Marlina) dalam buku kajiannya berjudul, *Semiotik Dalam Novel Anwar Ridhwan* (2014),<sup>6</sup> yang menerapkan teori Semiotik Charles Sanders Pierce dan Charles Morris membangkitkan soal kompleksiti cerita dalam novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman, Arus* dan *Di Negeri Belalang* sebagai satu manifestasi intelektualisme. Ini merujuk kepada inti pati novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman, Arus* dan *Di Negeri Belalang* yang dianggap berkesan mengungkapkan permasalahan orang Melayu. Kehadiran cerita yang kompleks ini dianggap lahir daripada kebolehan kreatif, imaginasi dan pengalaman Anwar sebagai sasterawan (Intan Marlina, 2014:367). Menurut Intan Marlina, cerita dalam novel-novel Anwar yang dikaji sukar difahami khususnya bagi pembaca yang tidak mempunyai pengetahuan atau kurang daya intelek (2014:50). Oleh itu, Intan Marlina menegaskan bahawa penerapan teori semiotik Charles Sander Pierce dan Charles Morris terhadap novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman, Arus* dan *Di Negeri Belalang* dapat memberikan kefahaman yang menyeluruh tentang ‘makna’ (ungkapan Intan Marlina sendiri) sebenar yang mendasari novel-novel tersebut (2014:359). Ini merujuk kepada dapatan kajian Intan Marlina bahawa novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* ditulis bagi tujuan memperlihatkan

<sup>5</sup> Perakuan Awang Azman ini turut terdapat pada bahagian ransang sari novel *Naratif Ogonshoto* (2009).

<sup>6</sup> Buku kajian ini ialah hasil tesis ijazah kedoktoran Intan Marlina pada tahun 2006.

konflik tradisi lipur lara dalam kehidupan moden. Novel *Arus* ditulis bertujuan mengisahkan psikologi watak-watak Melayu-Islam yang tidak tenteram. Novel *Di Negeri Belalang* pula ditulis bertujuan menonjolkan kepincangan hidup manusia moden kesan daripada pengaruh kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Dapatkan kajian Intan Marlina turut menyimpulkan bahawa Anwar Ridhwan berjaya menyampaikan cerita-cerita yang dianggap kompleks dengan berkesan (Intan Marlina, 2014:364-368). Berdasarkan perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa kajian Intan Marlina memperakarkan intelektualisme dalam novel-novel Anwar Ridhwan yang dikaji kerana sifat novel-novel tersebut yang sukar difahami.

Seterusnya, pengamatan beralih kepada artikel Shahnon Ahmad (seterusnya Shahnon) berjudul "Antara Cinta Sementara dengan Cinta Abadi" (1984). Dalam artikel ini, Shahnon menganggap bahawa kelebihan Anwar terletak pada kemampuannya menggarap apa yang diungkapkannya sebagai 'falsafah cinta sementara' yang kelslaman sifatnya. Menurut Shahnon, melalui falsafah ini, novel menampung maksud yang menyedarkan manusia supaya tidak mencintai perkara-perkara yang bersifat sementara (duniawi) berbanding dengan yang kekal (akhirat). Menurut Shahnon lagi, Anwar memahami sepenuhnya 'falsafah' ini, dan dengan kemampuan kreatifnya, novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* dapat diterima dan difahami dengan mudah oleh pembaca. Ini dijelaskan Shahnon dalam kutipan yang di bawah (1984:11):

[Cerekanya] tertolak dari konsep *falsafah* yang benar-benar difahaminya [Anwar Ridhwan]. Pengetahuan tentang satu-satu konsep itu terus digarapkannya sedalam mungkin supaya ia tidak tinggal abstrak. Sifat abstrak adalah satu sifat yang sukar dikecapi oleh rasa dan difahami oleh akal. Sebuah cereka, baik cerpen atau novel, akan tinggal kacau-bilau kalau *gagasan falsafah* yang menjadi titik tolak dalam penciptaannya dan yang sememangnya abstrak itu tetap tinggal abstrak.... Anwar sedar dan tahu hakikat ini dan kerana itu dalam cerekanya konsep-konsep ini diperyatakan. Mempernyatakan konsep *falsafah* ini bermakna memadatkan konsep ini dalam bentuk cereka dengan memperalatkan ciri-ciri pembangunan sesebuah cereka yang baik [huruf condong ditambah.]

Merujuk petikan di atas, adalah jelas bahawa Shahnon melihat teknik penceritaan Anwar yang menghadirkan peristiwa-peristiwa sedih (tragedi demi tragedi) iaitu pemisahan antara Pak Hassan dengan isteri, anak-anak dan seni penglipur lara yang dicintainya, sebagai wadah untuk menyampaikan 'falsafah kesementaraan'. Soal kehadiran 'falsafah' dan kecanggihan teknik penceritaan inilah yang dijadikan sandaran oleh Shahnon untuk mengangkat *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* sebagai novel penting sastera Melayu, sebagaimana yang ditulisnya, "Di pandang dari sudut *falsafah* ini dan bagaimana olahan Anwar Ridhwan mempernyatakan *falsafah* khusus inilah, saya anggap novel ini

di antara novel yang besar dalam Kesusasteraan Melayu” [huruf condong ditambah] (Shahnon, 1984:11). Lebih penting lagi, ialah kecenderungannya menggunakan ungkapan ‘falsafah’ sebagai manifestasi ‘intelektualisme’ *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*. Turut menimbulkan persoalan ialah perakuan Shahnon yang menganggap kematian watak Pak Hassan pada penghujung cerita sebagai manifestasi terungkapnya cinta hakiki antara seorang hamba dengan Allah SWT (Shahnon, 1984:11). Persoalan timbul kerana dalam novel ini, kematian watak Pak Hassan dikaitkan dengan keyakinannya terhadap mitos ‘pucuk pujangga songsang’, satu unsur tahuyl yang sebenarnya bertentangan dengan Islam. Dengan kata lain, sifat kelslaman cerita ini seperti yang dipertahankan oleh Shahnon, jelas meragukan dan boleh dipertikaikan.

Sementara itu, pada kesempatan yang lain pula, Shahnon dalam tulisannya bertajuk “Pelarian: Konsep Mengenal Diri dalam Novel Arus Anwar Ridhwan” (1986) turut memperakukan aspek ‘intelektualisme’ dalam novel *Arus*. Perakuan ini, menurut Shahnon jelas apabila novel *Arus* membawakan cerita tentang kekalutan hidup manusia yang hanya bergantung pada logik akal dan kekuatan jasmani untuk berdepan dengan ujian Allah SWT. Menurut Shahnon, pengamatan dan kesedaran terhadap keingkaran hidup manusia seperti itu telah mendorong Anwar untuk menghasilkan sebuah novel yang sarat dengan mesej supaya manusia kembali kepada agama. Mesej ini, menurutnya dimanifestasikan menerusi cerita yang memaparkan watak-watak tidak bermoral kerana meninggalkan ajaran agama (Shahnon, 1986:20). Menurut Shahnon, paparan keingkaran watak-watak Islam ini dapat menjentik ‘intelektual’ pembaca untuk mentafsirkan makna sebenar novel, seperti yang disebutnya, “Keluarbiasaan-keluarbiasaan kisah pada paras “yang ketara” [merujuk kepada keingkaran watak-watak] dalam novel ini memang disengajakan oleh Anwar Ridhwan untuk menyarankan inti dan teras sahsiah manusia yang sebenar” (Shahnon, 1986:22). Adalah jelas bahawa kedua-dua tulisan Shahnon ini memperakukan aspek ‘intelektualisme’ dalam kedua-dua karya Anwar, iaitu *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* dan *Arus*. Perakuan ini secara jelas turut dirujuk kepada teknik penceritaan Anwar yang menghadirkan watak-watak yang ingkar terhadap ajaran Islam, dan dianggap dapat mencerminkan nilai kelslaman pada novel ini.

Seterusnya, pandangan yang hampir sama turut diutarakan oleh Darma Mohamad (seterusnya Darma) dalam artikelnya bertajuk “Penerapan Falsafah Hidup dalam novel *Arus*” (1986). Menurutnya, novel *Arus* dikatakan membawa apa yang disebut oleh Darma sebagai ‘wacana ketidakabadian’ yang berlebar pada soal kehidupan manusia di dunia yang bersifat sementara. Bagi Darma, ‘wacana’ ini hadir dengan tujuan untuk menyedarkan pembaca agar tidak leka dengan kehidupan di dunia dan mengabaikan kepentingan agama dan kehidupan selepas mati. Menurut Darma lagi, wacana ini dimanifestasikan melalui ceritanya yang mengisahkan kematian Pawang ‘Kri, seorang pawang (bomoh) buaya yang terkenal. Dalam cerita ini, novel membangkitkan tentang dendam Pawang ‘Kri terhadap penduduk Kampung Tuk Wali khususnya Lebai

Amrah, yang enggan menguruskan jenazah arwah isterinya. Selain itu, keinsafan watak Salleh, seorang pensyarah kesusasteraan Inggeris yang menjadi sahabat kepada Muslim (seorang pegawai bank) dan cenderung menjalani kehidupan yang bebas, juga dilihat oleh Darma sebagai manifestasi ‘wacana ketidakabadian’, seperti yang dijelaskannya (1986:11):

Mantapkah sesuatu perubahan itu? Ini bergantung kepada seseorang. Sayang bagi Salleh, setelah begitu bersungguh-sungguh mengutarakan *falsafah* tentang kematian dan bertaubat dengan hati kudusnya; Salleh seakan-akan menyesal di atas tindakannya itu [bertaubat] [huruf condong ditambah.]

Berdasarkan penjelasan ini, dapat dikatakan bahawa Darma cenderung menggunakan ungkapan ‘wacana ketidakabadian’ bagi merujuk ‘intelektualisme’, yang dianggap telah dimanifestasikan menerusi olahan konflik-konflik dalaman watak seperti yang disebutkan di atas. Tidak kurang penting, Darma menganggap bahawa kehadiran ‘falsafah’ ini menjadikan *Arus* sebagai novel yang bersifat kelslaman.

Selanjutnya, Hamzah Hamdani (seterusnya Hamzah) dalam tulisannya berjudul “Imej Islam dalam Novel *Arus*” (1993) pula berpendapat bahawa novel *Arus* mengetengahkan ‘idea’ berhubung kepimpinan daripada perspektif Islam. Ini dikatakan terserah pada olahan cerita dalam novel yang memaparkan kepincangan watak-watak beragama Islam dalam memimpin kehidupan yang tidak berteraskan hukum agama. Menurut Hamzah, paparan cerita yang sedemikian dapat menyampaikan mesej yang jelas kepada pembaca agar kembali menjalani kehidupan seperti yang digariskan Islam. Bagi Hamzah, ‘idea’ ini disampaikan menerusi lambang-lambang seperti penggunaan nama watak antaranya Muslim, Salleh dan Lebai Amrah, berserta penggunaan nama latar tempat iaitu Kampung Tuk Wali, yang pada zahirnya memperlihatkan hubungannya dengan agama Islam. Dalam konteks ini, persoalan kepimpinan dikatakan hadir menerusi kisah Lebai Amrah yang terlibat dalam salah guna kuasa ketika menjalankan tugasnya sebagai pemimpin Kampung Tuk Wali. Ini merujuk kepada tindakannya menyebarkan rasa benci penduduk kampung terhadap Pawang ‘Kri sehingga terusirnya Pawang ‘Kri dari kampung itu. Ini dilakukan kerana dendamnya terhadap Pawang ‘Kri yang dapat mengahwini wanita yang dicintainya terlebih dahulu. Lanjutan itu, Hamzah menyatakan bahawa ajaran Islam tidak membenarkan penganutnya menggunakan kuasa sebagai pemimpin untuk membala dendam seperti yang dilakukan Lebai Amrah (Hamzah, 1993:3). Justeru, paparan cerita yang sedemikian dianggap oleh Hamzah dapat menonjolkan ‘idea’ kepimpinan dalam Islam, sekali gus menyerlahkan sifat ‘intelektualisme’ novel ini. Berdasarkan kepada penghujahannya, adalah ketara bahawa apa yang dirujuk oleh Hamzah berhubung ‘idea’ kepimpinan Islam ini rata-rata merujuk kepada penggembangan watak yang tidak menuruti ajaran Islam.

Seterusnya, S. Othman Kelantan (seterusnya Othman) dalam artikelnya berjudul “*Di Negeri Belalang* Antara Imagination dan Pemikiran” (1991) menyatakan bahawa novel *Di Negeri Belalang* dibina atas dasar ilmu, dan justeru memperlihatkan keupayaan intelek Anwar (Othman, 1991:84). Ini dikatakan terserah pada keupayaan Anwar menggunakan imaginasi dan kreativiti bagi menyampaikan ‘pemikiran’ tentang realiti kehidupan manusia, seperti yang disebutnya, “*Pemikiran yang dikemukakan melalui imej dan simbol begitu memikat.... Novel ini lebih memperlihatkan situasi gawat manusia dalam semua situasi yang tergambar dalam imaginasi yang teradun dengan baik*” [huruf condong ditambah] (1991:87). Menurut Othman (1991:85) lagi, teknik penulisan eksperimental yang digunakan Anwar membolehkan novel diisi dengan pelbagai imej dan simbol yang aneh tetapi ‘padat’ (ungkapan Othman sendiri) dalam menyampaikan ‘pemikiran’ *Di Negeri Belalang*. Dalam konteks ini, Othman (1991:85-86) menyebut beberapa manifestasi penggunaan imej dan simbol yang dianggap tepat dalam menggambarkan ‘pemikiran’ yang terdapat dalam novel ini. Antaranya ialah peristiwa watak wanita dari Hiroshima yang mengandungkan sebutir bom jangka selepas melakukan seks rambang dengan seorang lelaki dari Nevada. Peristiwa ini dianggap sebagai simbol ketakutan manusia terhadap teknologi tinggi yang boleh memusnahkan manusia. Berdasarkan penghujahan ini, adalah jelas bahawa Othman memperakukan *Di Negeri Belalang* sebagai ‘novel ilmu’, dengan merujuk kepada teknik penulisan eksperimental bagi menyampaikan ‘pemikiran’.

Selanjutnya, kajian Mawar Shafei (seterusnya Mawar) dalam bukunya berjudul *Intertekstualiti dalam Novel Melayu* (2010) antara lain memperakukan sifat intertekstual novel-novel Anwar. Kajian Mawar (2010:156) berpendapat bahawa sifat ini membolehkan Anwar memberikan ‘maklumat’ dan ‘makna baru’ (ungkapan Mawar sendiri) berdasarkan sumber-sumber lain, selain mengutarakan ‘idea’ (diungkapkan Mawar sebagai ‘persoalan’) yang pelbagai. Menurut Mawar (2010:168) lagi, Anwar melakukan proses pemindahan, penggubahan dan pemaknaan baru daripada beberapa cerita lipur lara untuk menghasilkan *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, beberapa cerpen untuk menghasilkan *Di Negeri Belalang*, dan beberapa karya agung termasuklah al-Qur'an untuk menghasilkan *Naratif Ogonshoto*. Karya-karya sumber itu disebut sebagai hipoteks, manakala novel-novel Anwar yang diinspirasi daripadanya disebut sebagai hiperteks, seperti yang diungkapkan Mawar (2010:175):

Gerak pemindahan antara kisah Nabi Nuh dalam *Naratif Ogonshoto* jelas seperti kata Jonathan Culler, bahawa hipoteks bertindak memberi sumbangan kepada pembentukan hiperteks kemudiannya. Dari kisah Nabi Nuh dengan latar episod pembinaan bahtera penyelamat, saat berhadapan antara kepercayaan dan kebatilan atau saat berhadapan dengan petaka, mengandungi pelbagai lapisan tafsiran makna. Kemudian bagaimana kisah itu diserapkan ke dalam latar kehidupan manusia yang sarat dengan kebejatan, penindasan yang disedari atau tidak, penganiayaan penguasa

terhadap rakyatnya, manusia kemudian dibawa pula ke satu daratan baru seperti yang berlaku dalam *Naratif Ogonshoto*.

Berdasarkan kutipan di atas, adalah jelas bahawa Mawar memperakukan *Naratif Ogonshoto* sebagai karya kreatif yang diinspirasi daripada beberapa sumber termasuklah al-Qur'an. Soal inspirasi daripada al-Qur'an ini akan dibahaskan lebih lanjut dalam bahagian analisis nanti. Pada tahap ini, apa yang penting dijelaskan ialah kenyataan Mawar bahawa dengan memanfaatkan prinsip intertekstualiti yang merupakan satu teori sastera yang tercetus di Barat, Anwar mampu menyerahkan 'ideologi kepengarangan', sebagaimana yang ditulis Mawar (2010:441):

Ia [Intertekstualiti] menjadikan sesebuah karya Melayu tidak bersifat jumud sebaliknya merupakan teks heteroglossia [terhasil daripada kepelbagaiannya sumber dan idea] atau teks heteroglot dan pengarangnya bersifat kreatif-inovatif... memperkasakan ideologi kepengarangan seperti yang dibentangkan oleh Anwar Ridhwan.

Selain itu, Mohamad Saleeh Rahamad (seterusnya Saleeh) dalam artikelnya bertajuk "*Naratif Ogonshoto*: Ibarat Madu Lewat Saringan" (2005) turut dilihat cenderung memperakukan *Naratif Ogonshoto* sebagai sebuah 'teks sastera antarabangsa' (ungkapan Saleeh sendiri), dengan menggunakan kerangka pascamodenisme. Perakuan ini didasarkan kepada kompleksiti teknik penceritaan novel yang dianggap dapat menyampaikan 'pemikiran' *Naratif Ogonshoto* dengan berkesan (Saleeh, 2005:96). Sehubungan itu, Saleeh (2005:91-92) menganggap bahawa motif penghasilan novel ini adalah untuk mengkritik golongan pemerintah kuku besi dengan menggunakan unsur perlambangan bahasa, dan percampuran teknik penceritaan tradisional dan moden ke dalam *Naratif Ogonshoto*. Saleeh menganggap teknik ini sebagai kompleks, dan menuntut kepada pembacaan yang kritis serta mendalam. Tidak kurang menariknya ialah kenyataan Saleeh bahawa kompleksiti inilah yang bakal memanjangkan 'hayat' novel ini di persada sastera, seperti yang ditulisnya, "Kesukaran inilah yang menghidupkan sesebuah karya dalam jangka hayat yang panjang kerana *sifatnya yang sentiasa mengundang tafsiran atau polisemi*" [huruf condong ditambah] (2005:92). Dengan kata lain, tulisan Saleeh ini cenderung memperakukan *Naratif Ogonshoto* sebagai sebuah novel 'intelektual'. Adalah jelas bahawa Saleeh menganggap novel *Naratif Ogonshoto* membawakan 'pemikiran' yang kompleks dan justeru bersifat 'intelektual'. Sifat 'intelektual' ini pula merujuk kepada penggunaan lambang-lambang yang dikatakan dapat mengaburkan makna novel, dan sekali gus dianggap menuntut pembacaan yang kritis, dan pentafsiran yang pelbagai. Tidak kurang penting ialah pendapat Saleeh bahawa keistimewaan novel ini terletak pada sumber-sumber teks termasuk al-Qur'an yang menjadi inspirasinya. Menurut Saleeh, dengan kreativiti yang ada padanya, Anwar berhasil memanfaatkan sumber-sumber teks terdahulu yang diolah dalam karya-karya beliau, seperti yang ditulis Saleeh (2005:94):

Dalam pengertian pascamoden, *Naratif Ogonshoto* dapat digolongkan sebagai teks *pastiche*, iaitu karya sastera yang disusun daripada elemen-elemen yang dipinjam daripada pelbagai penulis lain atau daripada penulis tertentu pada masa lalu.... *Pastiche* mengambil bentuk-bentuk teks atau bahasa estetik daripada pelbagai fragmen sejarah, lalu mengeluarkannya daripada semangat zamannya, dan menempatkannya dalam konteks semangat zamannya (masa kini).... Dia [Anwar] mengambil bentuk teks lama sama ada dalam teks sastera sejarah, cerita rakyat, kisah Nabi Nuh, dan sebagainya lalu menempatkan segala-galanya dalam sebuah teks yang bernyawa untuk zaman kini [huruf condong ditambah.]

Seterusnya, *Laporan Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2000/2001* (seterusnya *LHSPM 2000/2001*) mengiktiraf *Naratif Ogonshoto* sebagai karya yang mempamerkan pembaharuan, khususnya dari segi teknik penceritaan yang tersendiri bagi menyampaikan ‘pemikiran’ tentang kezaliman golongan berkuasa. Menurut *LHSPM 2000/2001*, kekuatan *Naratif Ogonshoto* terlihat pada pembinaan struktur penceritaannya yang menggunakan unsur perlambangan bagi menghasilkan makna berlapis-lapis (*LHSPM 2000/2001:24*). Teknik ini dianggap menyerlahkan kematangan Anwar sebagai sasterawan intelektual kerana menyampaikan pemikirannya tentang soal kepimpinan yang zalim (satu persoalan yang dianggap panel sebagai serius) secara halus, dan justeru menjadikan karya ini tidak bersifat klise (*LHSPM 2000/2001:29*). Lebih signifikan lagi, panel berpendapat teknik penceritaan ini dapat merangsang intelek pembaca untuk berfikir secara kritis bagi memahami makna sebenar novel, sebagaimana yang tertulis (*LHSPM 2000/2001:27*):

*Naratif Ogonshoto* menawarkan kesengsaraan yang menyeronokkan kepada pembaca. Makna atau mesejnya tidak secara langsung tetapi terbayang-bayang pada pandangan pembaca. Pembaca seperti dapat melihat mesejnya tetapi dalam masa yang sama tidak dapat memastikan secara tepat akan maksud pengarang.

Berdasarkan petikan di atas, adalah jelas bahawa panel memperakukan teknik penceritaan novel yang menghadirkan makna berlapis-lapis tentang persoalan kepimpinan yang zalim, sebagai manifestasi intelektual *Naratif Ogonshoto*.

Seterusnya dan tidak kurang penting ialah keputusan panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2000/2001 yang memenangkan *Naratif Ogonshoto* untuk kategori genre Kumpulan Cerpen. Keputusan ini didasarkan kepada pemahaman panel bahawa *Naratif Ogonshoto* boleh diterima sebagai sebuah genre novel atau genre cerpen, seperti yang tertulis, “Kumpulan cerpen ini unik kerana boleh dilihat dari dua sudut iaitu dari sudut novel dan sudut cerpen” (*LHSPM 2000/2001:26*). Adalah jelas bahawa menurut kaca mata panel, *Naratif Ogonshoto* mempamerkan teknik penceritaannya yang unik sehingga mengaburkan ciri genre yang konvensional. Soal ciri genre *Naratif Ogonshoto*

yang dikatakan mendekati kedua-dua ciri genre (novel dan cerpen) ini akan dibahaskan lebih lanjut dalam bahagian analisis novel. Apa yang penting dibangkitkan di sini ialah perakuan panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2000/2001 yang menganggap keunikan teknik penceritaan *Naratif Ogonshoto* sebagai manifestasi intelektualisme yang menguji daya intelek pembaca intelektual, seperti yang tertulis (*LHSPM 2000/2001:28-29*):

*Permainan kreatifnya yang lincah menjadikan Naratif Ogonshoto sebuah teks yang tidak terlalu terasa menggigit mana-mana pihak secara khusus tetapi menguja daya taakulan pembaca.... [Dengan] segala kelebihannya, Naratif Ogonshoto merupakan karya berseni paling unggul bagi pengarang di Malaysia sehingga kini pada awal alaf baru [huruf condong ditambah.]*

Selanjutnya, S.M. Zakir (seterusnya Zakir) dalam makalahnya berjudul “Karya dan Kekuasaan Pengarang: Pemikiran dan Gaya Naratif Mutakhir Anwar Ridhwan” (2013) pula membicarakan tentang persoalan ‘kuasa pengarang’. Dengan menjadikan novel Anwar bertajuk *Penyeberang Sempadan* (2012) sebagai bahan perbincangan, Zakir menerapkan idea *panoptican* cetusan Michel Foucault (1926-1984), iaitu satu idea yang dirujuk oleh Zakir sebagai kekuasaan penulis dalam menentukan makna dan hala tuju pengkaryaan, seperti yang ditulisnya, “Kekuasaan pengarang memungkinkan pengarang mencipta makna baru” (Zakir, 2013:2). Menerusi pemahaman ini, Zakir (2013:12) berpendapat bahawa Anwar menggunakan kuasanya sebagai novelis untuk menghadirkan idea pertentangan antara penjajahan fizikal dan ideologi, dengan kebenaran. Bagi Zakir, pertentangan ‘idea’ dimanifestasikan melalui teknik penceritaan Anwar yang menghadirkan protagonis Kuay, yang diceritakan mengembala ke beberapa negara dalam tempoh masa yang panjang bagi mencari kebenaran, sebelum akhirnya menemui kebenaran itu melalui Islam. Menurut Zakir, pertemuan protagonis dengan Islam pada penghujung cerita ini, menyerlahkan ‘pemikiran’ Anwar yang memperakulkan Islam sebagai jalan mencapai kebenaran, seperti yang ditulisnya (Zakir, 2013:12):

Matlamat pemikiran beliau dalam *Penyeberang Sempadan* ialah untuk memperlihatkan ukuran kebenaran Islam yang mutlak. Anwar Ridhwan secara tegas dan tuntas meletakkan Islam sebagai ukuran kebenaran kepada perjuangan manusia untuk membebaskan diri mereka bukan sahaja terhadap penjajahan fizikal tetapi juga penjajahan ideologi dunia.<sup>7</sup>

<sup>7</sup> Kenyataan S.M. Zakir ini sejajar dengan perakuan Anwar sendiri yang menyebut: “Tetapi ia [*Penyeberang Sempadan*] mengenai pencarian jiwa yang benar dan mutlak. Ia satu proses yang sulit, mencampur aduk soal psikologi, carian ketuhanan,” dlm. Kosmo Online, [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=0102&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_03.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=0102&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_03.htm)

Menurut Zakir (2013:15-16) lagi, teknik penceritaan *Penyeberang Sempadan* adalah menarik, sistematik dan terkawal, yang kesemuanya dicapai melalui penggunaan teknik-teknik seperti prolog, gaya pensejarahan, realisme-fiktif, mitos, bawah sedar dan mimpi yang digunakan secara berkesan. Meskipun begitu, Zakir tidak pula menghuraikan secara jelas perkara-perkara yang dimaksudkannya itu. Lebih menarik lagi, terdapat kontradiksi dalam kenyataan Zakir tentang pemikiran Anwar yang dikatakannya bersifat kelslaman itu. Kontradiksi ini jelas dalam petikan berikut (Zakir, 2013:12):

Anwar Ridhwan secara *tegas dan tuntas meletakkan Islam sebagai ukuran kebenaran* kepada perjuangan manusia untuk membebaskan diri mereka bukan sahaja terhadap penjajahan fizikal tetapi juga penjajahan ideologi dunia. Namun sedikit *kekurangan novel ini ialah bahagian yang menyatakan tentang hidayah dan ukuran kebenaran Islam yang mutlak dipersudutkan kepada bahagian yang kecil* pada akhir novel [huruf condong ditambah.]

Petikan ini dengan terang memperlihatkan bagaimana Zakir di satu pihak, memperakukan novel ini sebagai novel yang menjadikan Islam sebagai ukuran kebenaran. Di pihak yang lain pula, Zakir menganggap novel ini meminggirkan Islam kerana memberikan ruang yang kecil, iaitu pada kesudahan cerita untuk soal kebenaran Islam dikemukakan. Selain itu, adalah jelas bahawa, meskipun Zakir pada banyak bahagian (dalam tulisan ini) memperakukan *Penyeberang Sempadan* sebagai sebuah novel yang ‘membahaskan aspek ilmu’ (ungkapan Zakir sendiri) atau dalam kata lain ‘novel ilmu’, akan tetapi beliau tidak menghujahkan secara meyakinkan kedudukan novel ini sebagai ‘novel ilmu’ (Zakir, 2013:18,24). Ini jelas apabila Zakir menjadikan cerita tentang pengembalaan protagonis ke beberapa buah negara, sebagai manifestasi kehadiran ‘wacana’, sebagaimana yang ditulisnya (2013:14):

Anwar Ridhwan dilihat sangat menguasai latar yang ditampilkannya. Ia menimbulkan penguasaan yang agak luar biasa dengan penelitian yang rinci terhadap latar pada setiap peristiwa; di Kaherah, Manhattan, Washington D.C., Makkah, Jeddah dan sebagainya. Malah latar ini disediakan dalam satu jalur pendokong cerita dan ideologi yang ingin disampaikan. Lebih luar biasa, *latar itu sendiri muncul sebagai wacana terhadap ideologi* yang dikemukakan [huruf condong ditambah.]

Dapat dikatakan bahawa kontradiksi ini berlaku kerana analisis Zakir tidak didasarkan kepada satu kerangka ilmu yang jelas mengenai konsep ‘ilmu’, sama ada menurut pandangan Michel Foucault yang dipetiknya sendiri, atau konsep ilmu dalam Islam, yang dapat menjelaskan kesimpulan Zakir tentang *Penyeberang Sempadan* sebagai novel yang dikatakannya telah mendukung ‘ilmu’ dan kebenaran Islam.

Selanjutnya, pengamatan ini turut meneliti tulisan Mohd. Hanafi Ibrahim (seterusnya Mohd. Hanafi) dalam makalahnya berjudul “Bau yang Menjejaki dan Bau yang Menjebak dalam *Penyeberang Sempadan*” (2013). Dalam tulisan ini, Hanafi memperakukan novel *Penyeberang Sempadan* sebagai sebuah novel yang diisi dengan ‘wacana’ tentang ideologi bikinan manusia dengan kebenaran Islam, seperti yang ditulisnya, “Ideologi komunisme, sosialis dan demokrasi dibahaskan<sup>8</sup>....Pelbagai bentuk kepalsuan dogma dan isme telah dikemukakan, sehingga pelakunya menemui Kebenaran Islam sebagai matlamat perjuangannya” [huruf condong ditambah] (Mohd. Hanafi, 2013:11). Selain itu, Hanafi turut memberikan beberapa tafsiran terhadap unsur ‘bau’ yang dianggapnya mendominasi novel ini, iaitu ‘bau yang menyenangkan’ dan ‘bau yang tidak menyenangkan’. Merujuk kepada ‘bau yang menyenangkan’, Mohd. Hanafi mengaitkannya dengan kehadiran nama-nama tumbuhan seperti cempaka putih dan kasturi yang dianggapnya mewakili hasrat protagonis terhadap kebenaran. Sementara itu, ‘bau yang tidak menyenangkan’ merujuk kepada ideologi ciptaan manusia yang bertentangan dengan agama Islam (Mohd. Hanafi, 2013:8-9). Sehubungan itu, dapat dikatakan bahawa Mohd. Hanafi (2013:10-11) cenderung memperakukan novel ini sebagai ‘novel ilmu’ yang dihadirkan secara kreatif menerusi teknik perlambangan. Ini seterusnya menjelaskan kesimpulan Hanafi terhadap *Penyeberang Sempadan* sebagai novel yang tertegak atas ‘ilmu’. Akan tetapi, dan sebagaimana tulisan pengkaji-pengkaji di atas, tulisan Mohd. Hanafi ini juga tidak menghuraikan secara jelas tentang apa yang dimaksudkan dengan ‘ilmu’.

Selanjutnya, seperti yang diperakukan S.M. Zakir dan Mohd. Hanafi, *Laporan Hadiah Sastera Perdana 2012* (seterusnya disebut *LHSPM 2012*) turut mengiktiraf *Penyeberang Sempadan* sebagai ‘novel wacana’. Ini berdasarkan kepada beberapa ideologi yang dikatakan hadir dalam novel *Penyeberang Sempadan*, iaitu komunisme, sosialisme, demokrasi dan ajaran Islam. Menurut *LHSPM 2012*, ‘wacana’ tentang ideologi-ideologi tersebut turut dimantapkan lagi dengan cerita tentang pengembalaan watak Kuay ke beberapa buah negara, iaitu China, Rusia, Amerika Syarikat dan Mesir. Kehadiran latar yang pelbagai ini dikatakan berperanan melengkapkan ‘wacana-wacana’ tersebut. Ini turut dijadikan ukuran yang membolehkan *Penyeberang Sempadan* diperakukan sebagai novel yang bersifat antarabangsa, sebagaimana yang dilaporkan (*LHSPM 2012*:19,22,24):

Struktur naratif novel ini berbentuk pengembalaan dan ia sarat dengan wacana *ideologi* dan hakikat sejarah Tanah Melayu daripada perspektif baharu.... Bagi merealisasikan perjuangan tersebut, dia [protagonis] menyertai Angkatan Pemuda Insaf (API) sebelum terpaksa melarikan diri ke Betong, kemudian ke China, Rusia dan

<sup>8</sup> *Kamus Dewan Edisi Ketiga* mentakrifkan perkataan ‘bahas’ sebagai penyelidikan, pengupusan, perbincangan (cara berfikir yang benar). Maksud ini menyamai pengertian ‘wacana’ yang merujuk kepada kesatuan fikiran yang utuh sama ada dalam bentuk pidato atau khutbah. Kedua-dua makna perkataan ini dapat dikaitkan dengan maksud ‘ilmu’ iaitu pengetahuan atau kajian yang mendalam mengenai sesuatu (*Kamus Dewan*, 1997:87,483,1540).

Amerika. Di setiap tempat yang dikunjungi dan didiaminya, dia dapat menyelami dan menganalisis situasi sebenar negara yang menjadi pendukung ideologi komunisme, sosialisme dan demokrasi.... Novel ini memiliki sifat antarabangsa bukan sahaja dari segi penggunaan latar di luar negara, sebaliknya kerana subjek yang diwacanakan oleh pengarang adalah bersifat sejagat [huruf condong ditambah.]

Adalah jelas bahawa *LHSPM 2012* memperakukan *Penyeberang Sempadan* sebagai ‘novel wacana’, yang diisi dengan pelbagai ideologi dan latar negara. Ini menjadi kayu ukur kepada *LHSPM 2012* untuk turut mengiktiraf novel ini sebagai ‘novel antarabangsa’.

Seterusnya, Shafie Abu Bakar (seterusnya Shafie) menerusi kata penghantarnya dalam buku bertajuk *Pencari Kesempurnaan* (2013),<sup>9</sup> iaitu sebuah buku yang diterbitkan bagi menghargai jasa Anwar Ridhwan dan Kemala, turut memperakukan sumbangan karya-karya Anwar dalam pembangunan intelektual, yang diungkapkannya sebagai ‘pencapaian keintelektualan’. Dalam konteks ini, sumbangan penting Anwar dianggap bukan sahaja pada usahanya menghasilkan karya-karya yang dikatakan bermutu tinggi dalam kesasteraan Melayu, tetapi juga implikasi daripada karya-karyanya yang dianggap Shafie telah memberi kesan besar kepada pembangunan tamadun dan ‘intelektual’ bangsa Melayu, seperti yang ditulisnya (Shafie, 2013:ix):

Sesungguhnya apa sahaja mesej atau perkara yang cuba disampaikan atau ditonjolkan oleh kedua-dua tokoh ini [merujuk Anwar Ridhwan dan Kemala] melalui *karya mereka sebenarnya telah memberikan satu impak atau nilai kemanusiaan yang cukup besar kepada ketamadunan bangsa kita*. Ketamadunan sesuatu bangsa itu tidak sahaja diukur dengan kemajuan material semata-mata tetapi haruslah juga dilihat dari sudut *pencapaian intelektual* [Huruf condong ditambah.]

Berdasarkan kenyataan ini, adalah jelas bahawa Shafie memperakukan karya-karya Anwar sebagai bermutu tinggi dan bersifat ‘intelektual’. Justeru, Shafie berpendapat bahawa pengiktirafan terhadap Anwar ini juga dianggap wajar dan merupakan kemuncak kepada ketokohan dan keunggulan Anwar sebagai sasterawan ‘intelektual’ yang telah memberi sumbangan ‘intelektual’ terhadap ketamadunan bangsa menerusi penulisan karya-karyanya.

Penelitian seterusnya beralih kepada teks pidato Awang Sariyan bertajuk “Sasterawan Negara Cahaya Negara” (2013), yang disampaikan dalam majlis meraikan Sasterawan Negara dalam kalangan warga Selangor, selain Pelancaran Buku *Pencari Kesempurnaan* dan *Dakaplah Bulan Putih Karya SN*

<sup>9</sup> *Pencari Kesempurnaan* ialah buku yang menghimpunkan tulisan Anwar dan Kemala merangkumi cerpen, monodrama, puisi dan esei.

Anwar Ridhwan dan SN Kemala. Dengan konteks yang sedemikian, pidato ini cenderung memperakukan soal ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar. Ini jelas apabila Awang Sariyan menegaskan bahawa kriteria pemilihan ‘Sasterawan Negara’, antaranya ialah sumbangan ‘pemikiran’ seperti katanya:

DBP telah diberikan tanggungjawab selaku sekretariat tetap anugerah sastera negara bagi melaksanakan tugas-tugas pentadbirannya sehingga seorang tokoh sasterawan dipilih untuk menerima anugerah. Pemilihan tersebut antaranya berdasarkan *kualiti* sumbangan kreatif dan kesan *pemikiran* [intelektualisme] sasterawan terhadap masyarakat Malaysia [huruf condong ditambah] (Awang Sariyan, 3:2013).<sup>10</sup>

Kenyataan ini dengan sendirinya menarik perhatian terhadap soal ‘pemikiran’ yang dijadikan sebagai kriteria penganugerahan Sasterawan Negara. Dalam konteks kriteria yang dinyatakan ini, dan hakikat bahawa Anwar dianugerahkan sebagai Sasterawan Negara ke-10, dengan sendirinya menjelaskan pengiktirafan terhadap aspek ‘pemikiran’ dalam karya-karya Anwar. Pemahaman ini dapat diperkuuhkan lagi dengan kesimpulan Awang Sariyan yang memperakukan karya-karya Sasterawan Negara (termasuk Anwar) sebagai pengungkapan ‘pemikiran’ yang penting dalam ketamadunan bangsa, seperti katanya:

Melalui karya yang dihasilkannya, *pancaran pemikiran dan estetika karyanya* itu diharap akan turut mendapat perhatian dan pengiktirafan antarabangsa sebagai nilai yang bukan saja dapat menyerlahkan ketinggian *pemikiran* atau nilai-nilai *kebitaraannya*, tetapi juga keunggulan tradisi dan peradaban kesusasteraan bangsanya sebagai warisan sastera dunia yang penting [huruf condong ditambah] (Awang Sariyan, 4:2013).

Dengan kata lain, teks pidato Awang Sariyan turut memperlihatkan kecenderungan yang jelas dalam memperagakan sifat ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar.

Seterusnya, pengamatan ini beralih kepada *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 2009* (seterusnya *LPASN 2009*), yang ditulis khusus untuk menilai dan memperakukan sumbangan dan ketokohan Anwar sebagai Sasterawan Negara ke-10. Secara keseluruhannya, *LPASN 2009* antara lain memperakukan sumbangan Anwar sebagai sasterawan yang dianggap membawa pembaharuan dalam kesusasteraan Melayu. Pembaharuan ini merujuk kepada apa yang disebut oleh panel sebagai ‘pendekatan simbolik’ yang menurut mereka terserlah, antaranya dalam cerpen “Dunia Adalah Sebuah Apartmen”, seperti

<sup>10</sup> Dapatkan ini adalah berdasarkan Teks Pidato Tokoh berjudul “Sasterawan Negara Cahaya Negara” yang disampaikan dalam Majlis Meraikan Sasterawan Negara Anak Selangor dan Pelancaran Buku *Pencari Kesempurnaan dan Dakaplah Bulan Putih Karya* SN Anwar Ridhwan dan SN Kemala.

yang dinyatakan, “Dunia Adalah Sebuah Apartmen’ hadir dengan persoalan yang *filosofikal* sifatnya” [huruf condong ditambah] (*LPASN* 2009:10). Menurut panel, ‘pendekatan simbolik’ ini jelas pada penggunaan simbol-simbol dalam menyampaikan sesuatu makna, seperti yang ditulis panel:

Apartmen sebagai satu simbol kehidupan manusia. Apartmen adalah dunia yang sempit, panas, seragam bentuknya dan kuat pengaruh Baratnya. Kehidupan yang cuba digambarkan ialah kehidupan yang dipengaruhi oleh cara dan nilai Barat seperti seks bebas dan ketagihan arak.... Selain apartmen, Anwar juga didapati turut menggunakan unsur haiwan dan perkara-perkara ganjil sebagai simbol falsafah tertentu (*LPASN* 2009:10,11).

Lebih penting lagi, penggunaan simbol-simbol ini dianggap sebagai antara kekuatan karya-karya Anwar. Ini kerana penggunaan simbol membolehkan karya-karya Anwar mengungkapkan ‘falsafah-falsafah’ tertentu dan sekali gus dianggap sebagai manifestasi ‘intelektualisme’, sebagaimana yang disimpulkan *LPASN* 2009:

Kehebatan novel-novel Anwar Ridhwan sebenarnya terletak pada kekuatan gaya dan teknik naratifnya yang bersifat *inovatif, eksperimental, mencabar intelek pembaca* serta kekuatan bahasanya yang puitis, segar dan sarat dengan pelbagai metafora, imejan, dan lambang [huruf condong ditambah] (2009:31).

Seterusnya, beralih ke genre drama pula, *LPASN* 2009 menganggap bahawa Anwar menggunakan teknik persembahan yang berkesan bagi membawa ‘gagasan intelektualnya’ (ungkapan *LPASN* 2009 sendiri), seperti yang diperlihatkan dalam drama *Orang-orang Kecil* (1993) dan *Yang Menjelma dan Menghilang* (1995). Menurut panel, ‘gagasan intelektual’ dalam drama-drama Anwar hadir dengan teknik penulisan yang eksperimental dengan menggabungkan beberapa sumber cerita yang berasingan (tradisional dan moden), ke dalam naskhah drama yang dihasilkan, seperti yang dilaporkan *LPASN* 2009:

Teknik persembahannya pula cukup sesuai dan berkesan untuk membawa gagasan *intelektualnya*. Teknik yang bersifat eksperimen ini digunakan dengan tujuan yang jelas dan diperkaya pula dengan intertekstualiti yang membayangkan pembacaan pengarang yang luas [huruf condong ditambah] (2009:18).

Dengan teknik ini, panel berpendapat bahawa karya-karya Anwar menyerlahkan sifat ‘intelektualisme’nya yang jelas. Berdasarkan laporan ini, adalah ketara bahawa panel dengan jelas memperakarkan nilai-nilai ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar. ‘Intelektualisme’ ini dianggap tertegak pada teknik

penceritaannya yang bersifat eksperimental, yang dianggap mampu mendorong pembacanya berfikir.

Seterusnya, *LPASN 2009* turut mengiktiraf kehebatan novel-novel Anwar seperti *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), *Arus* (1985), *Di Negeri Belalang* (1989) dan *Naratif Ogonshoto* (2001), yang dianggap bersifat inovatif. Ini dikatakan terserlah pada garapan teknik penceritaan yang dianggap mencabar daya ‘intelek’ pembaca khususnya menerusi teknik penggunaan lambang dan simbol seperti yang disebutkan di atas tadi (*LPASN 2009*:31). Teknik ini dianggap sebagai berkesan untuk membawa pembaca kepada apa yang diungkapkan sebagai ‘pencarian intelektual’ (*LPASN 2009*:37). Lanjutan itu, *LPASN 2009* turut menyenaraikan sejumlah perkataan yang mendukung aspek bahasa figuratif seperti *metafora*, *imejan* dan *lambang*, yang rata-rata hadir bagi mendukung hujah bahawa adanya ‘intelektualisme’ dalam novel-novel Anwar. Menurut panel, kehadiran makna yang tersembunyi menerusi bahasa figuratif akan mendorong pembaca agar lebih kritis, khususnya dalam mentafsirkan lapisan makna. Hakikat inilah yang dianggap sebagai mencabar ‘intelektual’ pembaca.

Hujah-hujah di atas dengan jelas memperlihatkan usaha *LPASN 2009* memperakukan ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar yang dianggap hadir menerusi teknik penceritaan.

Pengamatan pada tahap ini dengan jelas mengenal pasti satu kecenderungan yang ketara dalam kalangan para sarjana dan pengkritik sastera, iaitu memperakukan adanya apa yang dapat diungkapkan sebagai ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar Ridhwan. Kecenderungan dalam menonjolkan aspek ‘intelektualisme’ ini jelas pada penggunaan istilah-istilah antaranya seperti ‘intelektual’, ‘idea’, ‘pemikiran’, ‘wacana’ dan ‘ilmu’. Lebih penting lagi, ‘intelektualisme’ yang diperakui terkandung dalam karya-karya Anwar ini rata-rata dianggap lahir daripada perlambangan atau teknik penceritaan yang bersifat eksperimental.<sup>11</sup> Selain mencabar daya intelek pembaca, kehadiran ‘intelektualisme’ (melalui perlambangan dan teknik penceritaan yang bersifat eksperimental) ini juga dianggap oleh para pengkaji sastera sebagai satu kelebihan yang menjadikan Anwar sebagai seorang sasterawan yang besar, dan justeru layak diberikan penghargaan dan pengiktirafan.

Lanjutan itu, adalah menarik untuk dikatakan bahawa soal ‘intelektualisme’ seperti yang diperakukan oleh para pengkaji sastera di atas, turut banyak diperkatakan oleh Anwar sendiri. Ini antaranya ketara dalam teks pidato penerimaan yang disampaikan ketika majlis penganugerahan beliau sebagai penerima Anugerah Sastera Negara ke-10 pada tahun 2009. Melalui teks pidato

<sup>11</sup> Dalam buku *LPASN 2009*, perkataan ‘eksperimen’ dan ‘intelektual’ bagi menggambarkan sifat karya-karya Anwar, disebut lebih daripada lima kali (hlm. 5,9,10,18,28,31,36). Di sesetengah ayat, perkataan ‘eksperimen’ dan ‘intelektual’ hadir secara bergandingan.

yang disampaikan dalam bentuk syair ini, Anwar antara lain menjelaskan (menurut pemahamannya) tentang fungsi kesusasteraan atau disebutkannya sebagai ‘persuratan’, dan peranan para sasterawan dalam menyempurnakan fungsi itu. Menurut Anwar sendiri, fungsi ‘persuratan’ adalah ‘membijaksanakan pembaca’. Bagi memainkan fungsi ini, ‘persuratan’ menurutnya harus mampu menggarap apa yang disebutnya sebagai ‘pemikiran’ yang mendalam. Dalam usaha mencapai fungsi ini, Anwar menekankan pentingnya para sasterawan memanfaatkan bakat penulisan untuk mendidik manusia melalui penghasilan karya, seperti yang diungkapkan Anwar dalam rangkap-rangkap syair berikut:

Sastera itu adab *persuratan*,  
Pelbagai makna serta tafsiran,  
Namun bakat serta indah penulisan,  
Tentang Tuhan, makhluk-Nya dan *pemikiran*.

Bakat dan karya ada tanggungjawabnya,  
Berbuat di dunia balasannya di alam baqa,  
Diingatkan Allah menjadi khalifah-Nya,  
Bantu membimbing umat manusia.

Dengan akal pena menukilkan,  
Seperti lidah wajar berperaturan,  
Pena yang jujur lebih dimuliakan,  
Bukan pedang melibas sembarangan.

*Persuratan* itu mengandung ilmu,  
Juga mendidik tiadalah jemu,  
Mutiara kata dapat ditemu,  
Yang indah-indah dan merdu turut diramu.

Hamzah Fansuri, Syeikh Ahmad al-Fatani,  
Tun Seri Lanang, Raja Ali Haji,  
Karya *persuratan* padat berisi,  
Tanda pujangga seorang insani.

*Persuratan* tidak mengulang yang lama,  
Atau hanya alam dan watak semata,  
Fikrah *falsafah* itu lebihlah mulia,  
Disulam keindahan *membijaksanakan* manusia.

[huruf condong ditambah.]

Penting dijelaskan bahawa ‘pemikiran’ dan ‘falsafah’ yang dimaksudkan oleh Anwar ini merujuk kepada ‘bakat intelektual’,<sup>12</sup> iaitu keupayaan sasterawan dalam menguasai ‘ilmu’ yang dapat membijaksanakan pembaca. Dalam hal ini, Anwar turut menegaskan bahawa karya ‘persuratan’ tidak seharusnya berlegar pada aspek emosi, tetapi dan lebih penting lagi ialah soal ‘intelektual’. Kehadiran aspek ‘intelektual’ (turut disebut Anwar sebagai ‘wacana’) dalam karya kreatif dianggap dapat membezakan antara karya ‘persuratan’ dengan karya picisan, sebagaimana yang disebutnya:

Karya kreatif pada umumnya menjadi juadah perasaan, sementara falsafah dan sains menjadi juadah intelek. Bagaimanapun, janganlah menganggap karya kreatif hanya dilimpahi emosi, sentimen dan khayalan. Karya yang sedemikian hanya merupakan karya pop dan murahan, yang cepat mati dalam dunia sastera yang sebenar - walaupun tujuannya untuk berespons atau menjadi juadah perasaan - tetapi bersifat wacana intelektual (*intellectual discourse*) dengan mempunyai makna yang mendalam atau tersirat, wawasan pengarang serta pandangan dunia (Anwar, 2013:301).

Berdasarkan petikan syair dan kenyataan di atas, adalah jelas bahawa Anwar memahami dan mengakui sendiri fungsi kesusasteraan (disebut sebagai ‘persuratan’) sebagai wadah ‘intelektual’ yang dapat mendidik manusia menjadi bijaksana. Pengamatan ini mendapat bahawa pemahaman dan penekanan yang hampir sama sudah mendasari pandangan Anwar sejak sebelum itu lagi. Dalam kertas kerja bertajuk “Jenis dan Ciri Karya Kreatif Yang Kita Perlukan” (1992), Anwar antara lain membangkitkan soal pentingnya para sasterawan menguasai ‘ilmu’ dan menghasilkan ‘karya ilmu’. Sehubungan itu, Anwar menggesa para sasterawan agar membina daya ‘intelektual’ yang tinggi sebagai langkah awal dalam melahirkan karya-karya yang bermutu tinggi, sebagaimana yang ditulisnya dalam kutipan di bawah:

Kini diperlukan penulis yang lebih terdidik yang berbakat *intelektualisme*, kerana karya yang lahir dari bakat sedemikianlah yang akan menentukan perkembangan dunia sastera. Dengan itu, saya menempatkan bakat *intelektualisme lebih penting* daripada sikap muhu melahirkan karya eksperimental tanpa didasari pemikiran yang jelas atau karya yang cuba mendekati tema kontemporari tetapi tema itu belum cukup difaham sedalam-dalamnya [huruf condong ditambah] (Anwar, 1992:7).

---

<sup>12</sup> Anwar berpegang kepada nasihat pensyarah beliau bahawa, “Zaman bakat alam sudah berlalu dan bakat intelektual pula mesti dimasukkan ke dalam karya.” Nasihat itu memberi kesan kepada Anwar yang kemudiannya berusaha memasukkan maklumat (diungkapkan Anwar sebagai ‘ilmu bantu’) ke dalam karyanya (dalam Raja Yusoff Ariffin, 2010:53).

Kutipan di atas dengan jelas memperlihatkan bagaimana soal ‘intelektualisme’ dalam karya sastera menjadi perkara penting yang ditekankan oleh Anwar, dan ternyata beliau konsisten dengan pendiriannya ini.

Dalam satu wawancara dengan beliau yang dilakukan oleh Sahlan Mohd. Saman pada tahun 1993, Anwar menegaskan perkara yang sama iaitu pentingnya karya sastera untuk menyuntik nilai-nilai ‘intelektual’ kepada pembaca. Untuk itu, beliau sekali lagi mengingatkan para sasterawan supaya berhati-hati, dan tidak menghasilkan karya yang tidak memberi manfaat kepada pembaca. Dalam wawancara ini, Anwar secara terang-terangan mengakui bahawa sasaran penulisan beliau ialah golongan berpendidikan. Ini kerana, menurut Anwar, golongan berpendidikan memerlukan sesuatu yang dapat ‘mencabar minda’ (ungkapan Anwar sendiri) dengan memikirkan masalah yang melanda masyarakat (dalam Ahmad Kamal Abdullah, 1993:55). Dalam konteks ini, Anwar menegaskan bahawa karya sastera yang bermutu dapat memainkan peranannya sebagai wadah ‘intelektual’ yang dapat memberikan sumbangan terhadap kehidupan manusia, sebagaimana yang diungkapkannya:

[Karya] yang menyorot soal-soal manusiawi yang lebih luas dan mendalam, saya kira lebih baik daripada karya yang hanya membicarakan hal-hal peribadi, tema-tema yang ringan, apalagi yang hanya meniru aliran atau isme-isme dan kebobrokan moralnya (dalam Ahmad Kamal Abdullah, 1993:58).

Pada kesempatan yang lain pula, Anwar dalam sepucuk suratnya pada tahun 2002 yang dikirimkannya kepada Mario Varga Llosa iaitu seorang penulis terkenal dari Peru, sekali lagi menegaskan peri pentingnya ‘intelektualisme’ dalam kesusasteraan. Menurut Anwar, ‘intelektualisme’ dapat dizahirkan menerusi teknik penulisan yang menghadirkan lapisan-lapisan makna untuk ditafsirkan pembaca. Ini dianggap dapat memancing intelek pembaca untuk berfikir, seperti yang ditulisnya, “*Today’s modern literature does not offer many high quality works anymore. Only a few are delivered with a fresh style, giving a new artistic and intellectual, responsive towards the reader’s emotion or giving multi-layered images and meanings*” [penekanan ditambah] (Anwar, 2012:284). Kenyataan ini menjelaskan lagi keprihatinan Anwar terhadap fungsi sastera sebagai wadah ‘intelektual’ yang diakuinya sendiri, dapat direalisasikan dengan teknik penyembunyian makna berlapis-lapis, sebagaimana yang turut diperakui oleh rata-rata pengkaji sastera.

Sejajar dengan keprihatinannya itu, Anwar turut memperincikan apa yang difahami beliau sebagai ‘intelektualisme’. Dalam satu segmen *Sorotan* dalam majalah *Dewan Sastera* yang dikendalikan oleh Ritah Yahya (2005), Anwar menjelaskan bahawa sebuah karya yang ‘intelektual’ sifatnya, harus dapat memberikan makna yang berlapis-lapis. Menurutnya lagi, hanya pembaca pintar yang berupaya memahami makna-makna yang berlapis-lapis itu. Dengan kata lain, Anwar berpendapat karya yang baik ialah karya yang sarat dengan makna

yang berlapis-lapis, sebagaimana yang dicatat oleh Ritah Yahya dalam tulisannya, “Menurut Anwar, karya yang baik bukan sahaja terletak pada bahasa, tetapi juga pada makna yang berlapis-lapis” (dalam Ritah Yahya, 2005:92). Perkara yang sama juga disebut Anwar dalam wawancara dengan penyunting majalah *Dewan Sastera* selepas beliau menerima anugerah S.E.A. Write Award, sebagaimana katanya, “Salah satu daripada ciri sastera yang baik, yang bertaraf universal ialah karya itu bersifat berlapis-lapis (*multilayer*)” (Anwar, 2002:7).

Selain itu, Anwar juga menegaskan bahawa perkembangan ‘intelektualisme’ bukan sahaja penting dalam bidang kesusasteraan, tetapi juga menjadi lambang ketinggian peradaban. Menurut Anwar, peradaban yang tinggi terbina daripada kemajuan ‘intelektual’, bukannya kemajuan material, seperti yang ditulisnya dalam rencana “Jom ke Mandala Tamadun” (2011):<sup>13</sup>

Masuki mandala [ruang] tamadun, kita temukan dua elemen yang berimbang: Kemajuan kebendaan serta perkembangan *pemikiran atau intelektual* yang tinggi. Itulah neraca peradaban yang sebenarnya. Tiada neraca lain yang setara dengannya [huruf condong ditambah].

Kenyataan ini yang ditulis setelah dua tahun Anwar menerima Anugerah Sastera Negara, memperlihatkan konsistensi pandangan beliau tentang perihal pentingnya ‘intelektualisme’ dalam kesusasteraan.

Adalah jelas bahawa pada pemahaman Anwar, ‘intelektualisme’ dalam karya sastera rata-rata merujuk kepada makna dalam karya yang berlapis-lapis, yang dicapai melalui penggunaan perlambangan dan teknik-teknik penceritaan yang bersifat eksperimental. Sesungguhnya, pengamatan terhadap pemahaman dan pengakuan Anwar seperti yang dibincangkan di atas ini, penting untuk memahami kecenderungan beliau dalam penulisan karya-karyanya. Dengan kata lain, Anwar memang secara sedar memanfaatkan karya-karya sastera beliau sebagai satu wadah ‘intelektual’. Dengan mengambil kira kesedaran Anwar inilah, maka tidak hairanlah jika karya-karya sastera hasil nukilannya itu dikatakan sarat dengan nilai-nilai ‘intelektual’, sebagaimana yang jelas diamati dalam tulisan para sarjana dan pengkritik sastera yang dibincangkan di atas.

Akan tetapi, dalam konteks perakuan tentang ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar ini, pengamatan ini turut mengesan satu lagi kecenderungan yang ketara dalam resensi para pengkaji dan pengkritik sastera terhadap karya-karya Anwar. Ini merujuk kepada kritikan yang rata-rata meragui keupayaan karya-karya Anwar sebagai wadah ‘intelektual’. Kecenderungan ini, umpamanya jelas dalam tulisan Sahlan Mohd. Saman (seterusnya Sahlan) dalam artikelnya bertajuk “Arus, Psikoanalisis dan Freud” (1986). Artikel ini meneliti aspek psikologi manusia dalam novel *Arus* berdasarkan kepada teori psikoanalisis

<sup>13</sup> Sila rujuk <http://www.malaysiakini.com/columns/172511>

yang diutarakan oleh Sigmund Freud (1856-1939), seorang ahli psikologi Barat yang terkenal. Dalam analisisnya, Sahlan di satu pihak berpendapat bahawa aspek psikologi yang dimanifestasikan melalui watak-watak dalam *Arus* sejajar dengan elemen-elemen yang digariskan dalam teori psikoanalisis Freud. Dalam konteks ini, Sahlan yakin bahawa kesejarahan ini lahir daripada kepekaan Anwar terhadap teori psikoanalisis Freud. Ini menurutnya jelas apabila dalam novel tersebut, nama Freud diungkapkan beberapa kali oleh Anwar. Sesungguhnya, kepekaan Anwar inilah yang dianggap oleh Sahlan sebagai satu masalah kerana watak-watak yang menerajui cerita dalam *Arus* merupakan watak-watak berbangsa Melayu dan beragama Islam, yang dianggap wajar memiliki sifat-sifat asasi watak dan keperibadiannya yang tersendiri, sesuai dengan kebudayaan dan pandangan alam Melayu-Islam itu sendiri. Sebagai satu teori yang dicetuskan oleh seorang ahli psikologi Barat, psikoanalisis pada hemat Sahlan lebih dekat serta mencerminkan kebudayaan dan pandangan alam orang Barat, dan justeru tidak sesuai dan tidak dapat mewakili psikologi watak-watak Melayu yang beragama Islam yang menerajui novel *Arus*. Kelemahan ini, menurut Sahlan dimanifestasikan dengan jelas pada perwatakan dan keperibadian yang diserahkan melalui watak-watak Pawang 'Kri, Lebai Amrah, Muslim dan Salleh. Lebih tepat lagi, Sahlan berpendapat bahawa psikologi watak-watak ini tidak memanifestasikan imej Islam. Ini didasarkan kepada paparan cerita tentang watak-watak yang ingkar, seperti yang diungkapkannya sendiri, "Kesemuanya itu [tindakan watak-watak Islam dalam novel] bukanlah kelaziman yang dilakukan sebagai tindak balas terhadap sesuatu yang terjadi ke atas dirinya sebagai orang Melayu beragama Islam" (Sahlan, 1986:61). Ini menurut Sahlan, antaranya tercermin pada tindakan watak Lebai Amrah yang menyimpan dendam sehingga ke tahap mengkafirkan dan menafikan hak saudara Islam lain yang dibencinya. Menurut Sahlan, tindakan ini lahir daripada sifat-sifat keji yang dibenci Islam seperti pendendam dan keras hati. Selain itu, Sahlan turut menyatakan bahawa tindakan watak Muslim dan watak Salleh hanya memperagakan keruntuhan peribadi orang Islam. Ini dimanifestasikan menerusi kecenderungan watak-watak tersebut terhadap gaya hidup bebas dan perbomohan. Menurut Sahlan, watak-watak seumpama ini jelas bercanggah dengan peribadi orang Islam yang dituntut untuk berakhhlak mulia. Menurut Sahlan lagi, jika ajaran agama Islam yang dijadikan teras novel ini, maka watak-watak seperti Lebai Amrah, Pawang 'Kri dan Muslim tidak wajar hadir dengan keperibadian yang bertentangan dengan Islam, sebagaimana yang ditulis oleh Sahlan:

Lazimnya, orang Islam tidak pendendam seperti Lebai Amrah. Orang Melayu tidak keras hati seperti Pawang 'Kri. Orang Melayu tidak melakukan sesuatu seperti yang diinginkan oleh Muslim semata-mata ingin meredakan sakit hatinya kerana terfitnah. Orang Melayu Islam menyelesaikan masalah secara berunding, bermuzakarah, bermaaf-maafan setelah segala-galanya selesai (Sahlan, 1986:61).

Sesungguhnya, kritikan Sahlan ini pada satu segi dilihat penting kerana memperlihatkan kecenderungan yang berbeza, berbanding dengan pandangan dan kesimpulan para pengkaji sastera yang dibincangkan lebih awal. Ini kerana kritikan Sahlan ini dengan jelas menganggap nilai-nilai yang diperagakan dalam novel Anwar ini, boleh diragui kerana tidak mencerminkan nilai-nilai Islam. Dengan kata lain, soal ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar ini telah dipertikaikan.

Seterusnya, pengamatan ini turut mengenal pasti nada-nada kritikan yang hampir sama (dengan kritikan Sahlan) diutarakan oleh Mohd. Yusof Hassan (seterusnya Mohd. Yusof) dalam artikel bertajuk “Persoalan Kepimpinan dalam Novel-Novel Melayu” (1988). Secara keseluruhannya, artikel ini membincangkan tentang soal kepimpinan sebagaimana yang dimanifestasikan dalam novel-novel Melayu terpilih karya Shahnon Ahmad, A. Samad Said dan Anwar Ridhwan. Antara yang diteliti ialah *Tunggul-tunggul Gerigis* dan *Tok Guru* karya Shahnon Ahmad, *Daerah Zeni* dan *Hujan Pagi* karya A. Samad Said, dan *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* dan *Arus* karya Anwar Ridhwan. Novel-novel ini diteliti bagi melihat soal gambaran masyarakat dari sudut kepimpinan. Merujuk kepada novel-novel Shahnon Ahmad, Yusof Hassan berpendapat bahawa konflik politik dimanifestasikan sebagai punca perpecahan keluarga dan masyarakat. Dalam kedua-dua novel A. Samad Said yang dikaji pula, Yusof Hassan mendapati konflik kepimpinan telah memberikan implikasi yang negatif terhadap diri dan organisasi. Lebih relevan dengan fokus kajian ini ialah pengamatan Yusof Hassan terhadap novel-novel Anwar Ridhwan. Merujuk kepada novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, Yusof Hassan berpendapat kelemahan kepimpinan diri manusia secara individu telah memberikan kesan yang tragik terhadap orang di sekeliling. Pendapat ini disandarkan kepada kisah pergelutan diri protagonis novel iaitu Pak Hassan yang tidak mampu memimpin dirinya sendiri sebagai manusia, dan kelemahan dirinya ini menjadi punca tragedi yang menimpa keluarganya. Kelemahan diri Pak Hassan dianggap terletak pada kepercayaannya terhadap tahuul dan mitos yang menjadi penyebab kepada peristiwa buruk yang satu persatu menimpa keluarganya. Selain *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, artikel Yusof Hassan ini turut meneliti novel *Arus* karya Anwar. Merujuk kepada novel ini, Mohd. Yusof berpendapat bahawa watak Lebai Amrah tidak menjalankan tanggungjawabnya sebagai ketua agama. Ini dimanifestasikan menerusi cerita dendam Lebai Amrah terhadap Pawang ‘Kri yang memungkinkannya berlaku zalim, seperti yang ditulisnya:

C

Lebai Amrah tidak menjalankan tugasnya sebagai ketua agama seperti diamānahkan. Ia sepatutnya menggalakkan manusia berbaik-baik di antara satu sama lain, tetapi dia sendiri telah terperangkap dalam konflik dengan Pawang ‘Kri. Ia telah membuat penganiayaan terhadap pawang tersebut sehingga pawang itu menjadi orang asing di tempatnya sendiri (Mohd. Yusof, 1988:79).

Manakala, watak Salleh pula menurut Mohd. Yusof (1988:79), mempamerkan sifat angkuh dan ego terhadap agama serta melakukan maksiat, iaitu satu sifat yang dilihat ironi dengan kedudukannya sebagai pensyarah universiti yang diperagakan tinggi daya ‘intelektual’nya. Pemeragaan ini dapat dianggap menjatuhkan martabat golongan ilmuwan yang mulia di sisi Islam. Dalam konteks ini, Mohd. Yusof menganggap kehadiran watak-watak dengan perwatakanya yang sedemikian, sebagai manifestasi manusia yang ingkar terhadap hukum Allah SWT, dan menjalani kehidupan yang bertentangan dengan Islam, sebagaimana yang ditulisnya:

Islam telah menjelaskan sifat-sifat Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin mempunyai empat sifat agungnya: sidiq – benar, amanah – bertanggungjawab, tabligh – menyampaikan dan fatanah – bijaksana. Watak-watak dalam novel ini jauh sekali daripada mempunyai sifat-sifat tersebut.... Watak-watak tidak membawa perawakan dan perwatakan seindah nama – Muslim dan Salleh. Tokoh agama dan tokoh institusi perbomohan juga tidak berwibawa seperti dijangka. Kampung Tuk Wali juga tidak sewali nama, penuh dengan kebobrokan dan kekufuran (Mohd. Yusof, 1988:80).

Tulisan Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi) turut cenderung mempertikaikan soal ‘intelektualisme’ karya-karya Anwar. Ini jelas apabila beliau mengkritik LPASN 2009 yang mengiktiraf sumbangan Anwar, sebagai satu penilaian yang tidak munasabah, dan tidak didasarkan kepada analisis dan hujah-hujah ilmiah yang tepat dan mantap. Dalam salah satu entri blognya yang bertajuk “Kubur, Sasterawan, dan Kesudahan Hidup Manusia” (2012),<sup>14</sup> Mohd. Affandi antara lain menyifatkan beberapa karya Anwar seperti cerpen “Hati”, adalah tidak bermutu kerana bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Ini merujuk kepada tindakan Anwar menghadirkan watak ‘roh’ yang telah mati dibunuh, tetapi diberi peluang untuk melihat dan membuat penilaian terhadap kehidupan manusia yang masih hidup. Paparan cerita ini dianggap melampaui batas-batas imaginasi dalam Islam, kerana memperlihatkan campur tangan manusia dalam urusan roh. Kritikan Mohd. Affandi terhadap tindakan Anwar yang memerikan alam dan perjalanan roh ini adalah berdasarkan kepada kerangka Islam, yang menurutnya melarang manusia daripada berimajinasi tentang alam roh, sebagaimana yang ditulisnya:

Apa yang anda dapat dari komen Panel dan cerita pendek ‘Hati’ itu? Ini pandangan Dr. Zulkarnain dalam sebuah tulisannya: “al-Qur'an menegah akal untuk bertanya tentang roh pada ayat (17:85), menegahnya bertanya tentang masa berlaku hari Kiamat (7:187) dan lain-lain lagi. Ini dengan jelas menunjukkan keterbatasan akal,

<sup>14</sup> Sila rujuk <http://pbaru.blogspot.com/2012/08/kubur-sasterawan-dankesudahanhidup.html>. Tulisan-tulisan yang serius dan terkini dalam membincangkan persoalan kesusteraan Melayu oleh Mohd. Affandi dapat dicapai melalui blog rasminya yang berjudul Gagasan Persuratan Baru, yang boleh dicapai pada alamat <http://www.pbaru.blogspot.com>. Tulisan-tulisan ini akan diterbitkan dalam bentuk buku.

secara khusus dan terbatas daripada meneroka alam ghaib, seperti zat Tuhan, roh, hari kiamat, dan juga soal malaikat, jin dan sebagainya. Adalah penting keterbatasan ini difahami dan diakui. Dalam konteks karya fiksyen, penerokaan dan gambaran dimensi ghaib ini boleh bercanggah dengan akidah Islamiah. Perbuatan itu boleh menafikan hakikat sebenar alam ghaib yang hanya diketahui oleh Allah SWT. *Umpamanya, gambaran alam Barzakh yang berdasarkan kepada khayalan semata-mata tidak menepati hakikat sebenar, dan dengan itu ia mempermudahkan, menempelak dan menolak pengetahuan Allah Ta’ala*” [huruf condong ditambah.]

Seterusnya, dalam kritikannya yang lain bertajuk “Persuratan Baru Merombak Kaedah Lama dalam Analisis dan Penilaian Karya Kreatif” (2011),<sup>15</sup> Mohd. Affandi turut mempertikaikan kecenderungan Anwar mencuba teknik-teknik penceritaan yang bersifat eksperimental, iaitu satu kecenderungan yang jelas dipuji dalam LPASN 2009, dan dianggap sebagai satu kekuatan yang mencerminkan ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar. Menurut Mohd. Affandi, apa yang dianggap sebagai satu eksperimen dan pembaharuan dalam karya-karya Anwar ini sebenarnya hanya menyerlahkan keghairahan Anwar bereksperimen dengan teknik-teknik penceritaan yang dianggap ‘baru’ tetapi sebenarnya terlebih dahulu tercetus di Barat. Dalam konteks inilah, Mohd. Affandi berpendapat bahawa aspek ‘intelektualisme’ yang didakwa terkandung dalam karya-karya Anwar, merupakan penilaian-penilaian yang tidak munasabah, dan tidak didasarkan kepada analisis dan hujah-hujah ilmiah yang tepat dan mantap, sebagaimana yang disimpulkan oleh Mohd. Affandi:

*Laporan 1985, Laporan 2009, Laporan 1991 dan lain-lain laporan menekankan beberapa ukuran yang aneh dan tidak masuk akal.... Dalam Laporan 2009, kehadiran eksperimen yang dikaitkan dengan kelainan, simbolisme, eksistensialisme dijadikan ciri yang menentukan berjaya atau gagal sesebuah karya; dan di sini Anwar Ridhwan dikatakan menyerlahkan semua aspek itu, yang membuat karyanya bernilai tinggi dan menjadi jalur penting dalam perkembangan sastera Malaysia. Contoh yang ditonjolkan ialah cerita pendek “Dunia Adalah Sebuah Apartmen,” yang mengisahkan perzinaan manusia moden yang mempunyai gaya hidup bebas yang amoral.... Tidakkah ini tidak lain daripada sejenis penyelewengan moral? Bagi Panel, perubahan seperti inilah yang menjadi tanda terdapatnya peningkatan ilmu, pengalaman ilmiah, dan nilai-nilai baru masyarakat moden, yang semuanya mesti diterima dengan hati terbuka kerana nilai-nilai itu menggambarkan kemajuan berfikir manusia moden. Pandangan begini tetap salah, terang-terang salah, kerana ia meletakkan manusia setaraf dengan binatang, boleh melakukan apa saja seperti dalam cerita pendek Anwar Ridhwan.... Eksperimen, kelainan, dan sebagainya yang dijadikan ukuran*

<sup>15</sup> Sila rujuk [http://pbaru.blogspot.com/2011/07/persuratan-baru-merombak-kaedah-lama\\_16.html](http://pbaru.blogspot.com/2011/07/persuratan-baru-merombak-kaedah-lama_16.html)

penting oleh Panel Anugerah Sastera Negara, hanya bermakna jika semua itu dilihat dalam konteks menyampaikan ilmu yang benar melalui penggunaan wacana dan cerita. Kalau hanya sekadar bereksperimen hanya untuk mencari kelainan sebagai kelainan semata-mata, maka arahnya tidak terfokus, boleh apa saja. (Contoh: mengangkat perzinaan sebagai tema besar dalam karya A. Samad Said, Anwar Ridhwan dan lain-lain).

Tulisan Mohd. Affandi ini dengan jelas meragui pujian-pujian para pengkaji dan pengkritik sastera termasuklah *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 2009* terhadap karya-karya Anwar. Lebih penting lagi dalam konteks kajian ini ialah hasil Sorotan Literatur berkaitan karya-karya Anwar, yang secara jelas memperlihatkan adanya beberapa jalur kecenderungan yang ketara, seperti yang akan diperincikan dan dibahaskan dalam bahagian Permasalahan Kajian.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu tentang karya-karya Anwar seperti yang dilakukan di atas, dengan jelas menyerlahkan beberapa kecenderungan yang penting. Pertama, terdapat kecenderungan yang jelas dalam kalangan sarjana dan pengkritik sastera untuk memperakukan adanya ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar, seperti yang dibangkitkan dalam tulisan Mohamad Saleeh Rahamad, Awang Azman Awang Pawi dan S.M. Zakir. Adalah jelas pada sorotan di atas bahawa apa yang diungkapkan sebagai ‘intelektualisme’ dalam tulisan-tulisan ini kebanyakannya merujuk kepada aspek teknik penceritaan, terutamanya penggunaan simbolisme yang dikatakan dapat mewujudkan makna karya yang berlapis-lapis, sebagaimana yang jelas dibangkitkan oleh Umar Junus dan Hamzah Hamdani. Selain itu, beberapa sarjana dan pengkritik sastera seperti Shahnon Ahmad, Darma Mohamad dan Mohd. Shafie pula membangkitkan soal adanya ‘falsafah’, ‘wacana’ dan ‘idea’ tertentu yang dikatakan Islami sifatnya. Kesemua ini diajukan sebagai manifestasi kehadiran ‘intelektualisme’ dalam novel-novel Anwar. Tidak kurang penting apabila perakuan-perakuan ini menyumbang merit yang bukan sedikit dalam melayakkan Anwar dianugerahkan pelbagai hadiah dan kurniaaan. Ini terutamanya jelas dalam *LPASN 2009*, yang secara terang-terangan memperakukan kekuatan karya-karya Anwar yang dikatakan terletak pada nilai ‘intelektual’nya, seperti yang diperlihatkan di atas.

Kedua, perakuan para pengkritik sastera di atas, turut diperkuuhkan oleh pengakuan Anwar Ridhwan sendiri.<sup>16</sup> Pada beberapa kesempatan seperti wawancara, makalah, tulisan dan yang paling terkini ialah teks pidato beliau ketika menerima Anugerah Sastera Negara 2009, Anwar secara jelas memperlihatkan kecenderungan terhadap nilai-nilai ‘intelektualisme’. Ini

<sup>16</sup> Pengakuan Anwar ini boleh diteliti dalam *Pidato Anugerah Sastera Negara 2009*, wawancara Anwar dalam *Jambak 2* dan tulisan-tulisannya di laman sesawang *Berita Harian*, *Malaysiakini* dan blog peribadinya, <http://1anwarridhwan.blogspot.com>

umpamanya ketara, dalam penjelasan beliau tentang fungsi kesusasteraan dan tanggungjawab para penulis, yang kedua-duanya dipasakkan pada matlamat untuk mendorong pembaca supaya berfikir. Anwar juga secara jelas mengakui bahawa karya-karya beliau memang ditulis untuk menjentik minda dan daya intelek pembaca, sebagaimana yang dijelaskannya ketika ditanya tentang pembaca sasarannya:

Untuk khalayak yang berpendidikan [sasaran pembaca]. Maksud saya, para anggota kelas menengah. Mereka ini perlu bacaan yang bagus, perlu cabaran mental, dan perlu dibawa melihat permasalahan sosial (dalam Ahmad Kamal Abdullah, 1993:55).

Ketiga, pengamatan ini turut mengenal pasti adanya kecenderungan dalam kalangan beberapa pengkritik sastera yang mempertikaikan soal adanya ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar, sebagaimana yang jelas dalam tulisan-tulisan Sahlan Mohd. Saman, Mohd. Yusof Hassan dan Mohd. Affandi Hassan. Tulisan-tulisan ini rata-rata menganggap karya-karya Anwar cenderung memperagakan nilai-nilai yang bertentangan dengan falsafah dan etika Islam, dan ini mengundang persoalan tentang ‘intelektualisme’ yang didakwa terkandung di dalamnya. Dalam hal ini, Mohd. Affandi umpamanya, menghujahkan bahawa apa yang didakwa sebagai ‘intelektualisme’ itu pada dasarnya merujuk kepada keghairahan Anwar dalam mencuba (atau sering diungkapkan sebagai ‘bereksperimen’) teknik-teknik penceritaan yang sudah terlebih dahulu diterokai di Barat. Begitu juga pujian dan perakuan (tentang adanya ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar) oleh para sarjana dan pengkritik sastera, rata-rata bersandarkan teori-teori Barat dengan falsafah serta konteks yang dianggap berbeza dengan tradisi dan pandangan alam yang menjadi teras kesusasteraan Melayu, dan melingkungi konteks penghasilan karya-karya Anwar. Selain itu, Mohd. Affandi turut menghujahkan beberapa label muluk-muluk seperti ‘ilmu’, ‘falsafah’, ‘wacana’ dan ‘pemikiran’ yang diguna pakai bagi mengangkat dan memuji karya-karya Anwar, pada dasarnya tidak didasarkan kepada kerangka pemahaman yang jelas dan penghujahan yang sistematis. Ini menjadikan pujian-pujian yang diberikan itu dianggap bersifat melulu, tidak munasabah, tidak akademik, atau lebih tepat dan lebih ironi lagi ‘tidak intelektual sifatnya’. Dengan hujah-hujah yang sedemikian, sukar untuk dinafikan hakikat bahawa perakuan para sarjana dan pengkritik sastera tentang adanya ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar, kini dengan sendirinya telah tercabar dan tergugat.

Berdasarkan kepada hasil pengamatan terhadap kajian-kajian sedia ada tentang Anwar seperti di atas, kajian ini berupaya mengenal pasti satu permasalahan penting yang menuntut kepada satu pengkajian ilmiah yang serius. Ini merujuk kepada wujudnya dua kutub pandangan yang berbeza, dan saling bertentangan terhadap satu isu yang sama. Isu ini merujuk kepada soal adanya ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar. Di satu pihak, terdapat pandangan yang mempertikaikan perkara tersebut. Manakala di pihak yang lain, terdapat

pandangan yang secara jelas memperakukan adanya ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar.

Dalam konteks kajian ini, wujudnya dua kutub pandangan yang saling bertentangan ini mengundang beberapa persoalan penting dan relevan. Antaranya, apakah benar karya-karya Anwar sarat dengan ‘intelektualisme’, seperti yang diperakukan oleh sekumpulan sarjana dan pengkaji sastera? Sekiranya benar, apakah yang dimaksudkan dengan ‘intelektualisme’, yang dianggap dimanifestasikan dalam karya-karya Anwar? Sehubungan itu juga, bagaimanakah pula dengan hujah-hujah sarjana dan pengkaji sastera yang meragui ‘intelektualisme’ karya-karya Anwar? Dalam konteks pertentangan ini, pandangan pihak yang mana dapat dipertanggungjawabkan terutamanya dari segi penghujahan akademik? Kajian ini berusaha untuk merungkaikan persoalan-persoalan ini dengan memberikan fokus terhadap soal ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar Ridhwan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Seterusnya, dalam usaha merungkaikan permasalahan di atas, kajian ini distrukturkan bagi mencapai dua objektif berikut iaitu:

- i. Menganalisis aspek intelektualisme dalam novel-novel Anwar Ridhwan.
- ii. Merumuskan aspek intelektualisme dalam novel-novel Anwar Ridhwan.

#### **1.5 Kerangka Analisis**

Seterusnya, bagi mencapai kedua-dua objektif di atas, kajian ini memilih gagasan Persuratan Baru (seterusnya PB) cetusan Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi) sebagai kerangka dalam menganalisis bahan-bahan kajian. Pemilihan PB ini didasarkan kepada beberapa pertimbangan penting, yang pada asasnya mengambil kira Permasalahan Kajian dan Objektif Kajian. Pertama, dan sebagaimana yang telah dihujahkan dalam bahagian Permasalahan Kajian, soal ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar pada masa kini masih menjadi pertikaian oleh dua kutub pandangan yang saling bertentangan. Ini seterusnya mendorong kajian ini untuk memberikan fokus terhadap soal ‘intelektualisme’ dalam karya-karya Anwar. Dalam konteks inilah, pemilihan PB sebagai kerangka analisis dilihat sebagai satu pilihan yang tepat dan relevan. Ini kerana PB merupakan kerangka analisis karya sastera yang memberikan penekanan terhadap persoalan ‘intelektualisme’, atau yang sedia diungkapkan (dalam konteks PB) sebagai ‘ilmu’ atau ‘wacana’. Penekanan terhadap aspek ‘intelektualisme’ tercetus daripada hipotesis PB sendiri yang membangkitkan apa yang diungkapkan oleh pencetusnya sebagai masalah ‘kelesuan intelektual’ (ungkapan Mohd. Affandi sendiri) dalam kesusteraan Melayu moden (akan dibincangkan lebih lanjut dalam Bab 3). Dengan hipotesis ini, PB merangka falsafah dan prinsipnya yang jelas dan sistematik, yang kedua-duanya dapat diguna pakai bagi tujuan analisis karya sastera. Antaranya ialah prinsip PB yang membezakan antara ‘ilmu’ dengan ‘cerita’, dan seterusnya

mengutamakan ‘ilmu’ daripada ‘cerita’ dalam pengkonsepsian dan perungkaihan karya sastera. Selain itu, prinsip isian wacana - isian cerita memungkinkan keutamaan sesebuah karya sastera itu dikenal pasti, iaitu sama ada dibangunkan dengan ‘ilmu’ atau ‘cerita’. Prinsip-prinsip ini, selain falsafah dan latar belakang kehadiran PB sebagai satu kerangka analisis sastera, akan dibincangkan secara khusus dalam Bab 3. Pada tahap ini, memadai untuk difahami bahawa penerapan PB dengan falsafah dan prinsip-prinsipnya itu, dilihat dapat membantu kajian ini bagi mencapai objektif-objektifnya, dan sekali gus merungkaikan permasalahan yang dibangkitkan.

Kedua, kedudukan PB sebagai satu kerangka analisis cetusan tokoh tempatan iaitu Mohd. Affandi Hassan, yang memang sedia mengukir nama yang mantap dalam dunia kesusasteraan Melayu hari ini. Kedudukan ini dengan sendirinya menjadikan idea-idea PB cetusan beliau itu, peka dan relevan dengan permasalahan dan isu-isu yang melanda dunia sastera Melayu, berbanding dengan kerangka-kerangka analisis yang didasarkan kepada teori dan pemikiran daripada Barat. Tulisan-tulisan Mohd. Affandi ini pula dapat dirujuk dengan mudah dalam sejumlah buku, makalah, esei dan paling terkini ialah entri-entri dalam blog yang menerbitkan tulisan-tulisan Mohd. Affandi. Merujuk kepada entri-entri yang tersiar dalam blog berjudul ‘Gagasan Persuratan Baru’, penting dijelaskan bahawa kesemua tulisan yang tersiar secara konsisten itu merupakan esei-esei ilmiah tulisan Mohd. Affandi yang mengutarakan hujah-hujah serius yang mengundang kepada perbincangan kritis. Dengan kata lain, blog PB memang secara jelas diperuntukkan sebagai medan ‘intelektual’. Dengan sifat tulisan-tulisan ini, maka tidak menjadi kejanggalan apabila kajian ini turut memanfaatkan beberapa tulisan yang tersiar dalam blog tersebut.

Dalam konteks kedudukannya sebagai kerangka analisis tempatan ini pula, adalah menarik untuk dibangkitkan bahawa Anwar sendiri sebagai seorang sasterawan pernah menyeru supaya karya-karya sastera Melayu termasuk karya-karyanya sendiri, dianalisis dengan menggunakan kerangka analisis tempatan yang dianggap lebih dekat, relevan serta dapat berlaku adil, berbanding dengan kerangka-kerangka analisis Barat, sebagaimana yang disebut Anwar dalam rencana berjudul “Kritikan Sastera Harus Bebas Cengkaman Barat: Sarjana Tempatan Cipta Teori Dipuji” (2013):

Satu perkara bagus yang dilakukan oleh sejumlah sarjana sastera kita adalah keupayaan mereka mencipta teori sastera tempatan. Keupayaan terbabit sudah memberi pilihan agar kita tidak menjadi pengguna kepada teori sastera Barat semata-mata.

Seruan Anwar ini turut menjadikan PB sebagai satu pilihan yang relevan dan munasabah dari segi kesesuaiannya dengan teks-teks kajian ini. Dalam konteks kajian ini yang berhasrat meneliti karya-karya Anwar, pemilihan PB sebagai kerangka analisis merupakan satu usaha yang dapat dianggap ‘baru’. Tidak dinafikan bahawa sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, telah ada

perbahasan oleh Mohd. Affandi tentang beberapa karya Anwar Ridhwan, namun dapat dikatakan bahawa perbahasan-perbahasan sedia ada itu rata-rata merujuk kepada sebahagian kecil karya Anwar sahaja, selain berbeza fokus perbincangan dan penghujahan.

Ketiga, dan tidak kurang penting ialah PB sehingga kini sudah mendapat perhatian sarjana-sarjana sastera yang membahaskan idea-idea Mohd. Affandi dalam sejumlah buku dan makalah ilmiah, bab dalam buku, kertas kerja dan esei, termasuklah syarahan inaugral. Kesemuanya ini telah mewujudkan korpus akademik yang mencukupi, yang dengan sendirinya memudahkan kerja-kerja ilmiah terutamanya dari segi pemahaman, pemantapan dan rujuk-silang. Seterusnya, dalam konteks aplikasinya sebagai satu kerangka analisis karya sastera pula, PB juga sudah sedia diterapkan dalam sejumlah kajian akademik baik pada peringkat sarjana, mahupun kedoktoran dengan penelitian terhadap pelbagai aspek dan genre sastera. Dengan kata lain, kebolehterapan dan keupayaan PB sebagai sebuah kerangka analisis bagi sebuah kajian ilmiah, sudah sedia teruji, dan terbukti pula mampu menghasilkan kesimpulan-kesimpulan ilmiah yang substansif dan berwibawa.

Secara keseluruhannya, dengan mengambil kira pertimbangan-pertimbangan di atas, kajian ini berpendapat bahawa PB sudah tersedia sebagai satu kerangka analisis ilmiah yang mantap, menawarkan kelebihan-kelebihan yang sesuai dengan fokus kajian ini, dan diyakini mampu untuk membantu kajian ini bagi mencapai objektif-objektifnya, dan sekali gus merungkaikan permasalahan yang dibangkitkan di atas.

## **1.6 Batasan Kajian dan Bahan-Bahan Kajian**

Sejajar dengan fokus kajian ini yang meneliti tentang ‘intelektualisme’ dalam novel-novel Anwar Ridhwan, kajian ini memilih novel beliau yang dianggap penting dan relevan. Sehubungan itu, kajian ini menggariskan dua ciri yang dapat dijadikan sebagai panduan dalam memilih bahan kajian. Pertama, novel-novel yang dianggap penting dan menyumbang secara signifikan dalam pengiktirafan Anwar sebagai seorang sasterawan, yang tidak dapat dinafikan telah mengukir nama yang mantap dan harum di persada kesusasteraan Melayu. Kedua, novel-novel yang diperakukan dan diperagakan sebagai manifestasi ‘intelektual’ Anwar. Kedua-dua ciri ini dapat diukur pada resepsi kritis oleh para sarjana dan pengkritik sastera termasuk laporan panel anugerah dan sayembara sastera, pemeragaan novel oleh penerbit, umpamanya ransang sari (*blurb*) dan sebagainya, termasuklah pengakuan Anwar sendiri sebagai sasterawan. Pewajaran pemilihan setiap karya sebagai bahan kajian akan dilakukan pada bahagian awal analisis teks-teks kajian nanti.

Selain itu, bagi mengekalkan konsistensi tatacara analisis yang mungkin terjejas dengan penelitian pelbagai genre, kajian ini memilih untuk menjadikan genre novel sebagai bahan kajian. Pemilihan kedua-dua genre ini dapat dianggap munasabah berdasarkan persamaan ciri antara kedua-dua genre, iaitu cerita atau naratif. Dengan persamaan ini, analisis dijangka dapat dilaksanakan secara lebih terfokus dengan memberikan tumpuan terhadap aspek-aspek yang dominan dalam pembikinan sesebuah naratif. Sehubungan itu juga, pemilihan genre-genre berbentuk naratif turut mengambil kira korpus kajian terhadap soal ‘intelektualisme’. Ini kerana, sebagaimana yang telah diperlihatkan dalam sebahagian Sorotan Literatur, pujian dan kritikan para sarjana dan pengkaji sastera, rata-rata merujuk kepada karya-karya Anwar yang berbentuk naratif seperti novel dan novelet. Pemilihan ini turut diasaskan pada hakikat bahawa Anwar sendiri dalam kegiatan penulisannya lebih cenderung kepada karya-karya naratif seperti novel, novelet dan cerpen berbanding dengan genre-genre lain. Atas pertimbangan inilah, kajian ini mengkaji empat novel dan satu novelet Anwar, iaitu novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), novel *Arus* (1985), novelet *Di Negeri Belalang* (1989), novel *Naratif Ogonshoto* (2001) dan novel *Penyeberang Sempadan* (2012).

### 1.7 Definisi Operasional: ‘Intelektualisme’

Sejajar dengan fokus kajian, bahagian ini akan menghuraikan takrifan dan pemahaman yang terkandung dalam istilah ‘intelektualisme’, yang dijadikan sebagai satu definisi operasional. Oleh itu, perbincangan ini akan meneliti pengertian ‘intelektualisme’ (*intellectualism*) dan beberapa perkataan berkaitan yang berasal daripada bahasa Inggeris seperti ‘intelek’ (*intellect*), ‘rasional’ (*rational*) dan ‘rasionalisme’ (*rationalism*). Selain itu, istilah-istilah bahasa Arab seperti istilah ‘akal’, ‘taakul’ dan ‘ilmu’ akan turut diteliti. Penting difahami bahawa istilah-istilah yang akan diteliti ini lahir, berkembang dan sudah mantap dalam dua tradisi keilmuan, iaitu Barat dan Islam. Kedua-dua tradisi ini (Barat dan Islam) memang sedia terangkum dalam latitud perbincangan gagasan PB iaitu kerangka analisis bagi kajian ini.

Dengan pemahaman di atas, perbincangan ini dimulakan dengan meneliti pengertian ‘intelektualisme’ daripada perspektif Barat. Menurut daftar kata *Collins English Dictionary* (1995:803), *intellectualism* bermaksud *the doctrine that reason is the ultimate criterion of knowledge*. Pentakrifan ini merujuk kepada pengertian ‘intelektualisme’ sebagai satu doktrin atau pemahaman yang menganggap taakulan (*reason*) sebagai kriteria utama dalam ilmu pengetahuan. Takrifan ini menjelaskan penekanan terhadap penaakulan sebagai aktiviti utama dalam mencetuskan pemikiran intelektual. Pemahaman ini dapat diperkuuhkan lagi dengan meneliti kata dasar istilah *intellectualism*, iaitu *intellect* yang dijelaskan dalam kamus di atas sebagai *the capacity for understanding, thinking and reasoning as distinct from feeling*, atau kemampuan untuk memahami, berfikir dan menaakul, yang berbeza daripada perasaan. Berdasarkan kepada takrifan ini, dapat dijelaskan bahawa *intellectualism* merujuk kepada

pemahaman yang memperakukan keupayaan manusia untuk memahami, berfikir dan menaakul. Kesemua keupayaan ini jelas dibezakan daripada unsur-unsur yang bersifat emosi dan perasaan.

Dalam memahami pengertian di atas, penting dijelaskan bahawa menjelang abad ke-19 Masihi, dunia intelektual Barat telah melangkah ke satu era yang dikenali sebagai ‘zaman moden’, yang menyaksikan penolakan Barat terhadap nilai-nilai tradisional yang dirangkumkan di dalamnya kepercayaan mitos, dongeng, dan agama (Harvey Cox, 1966:2).<sup>17</sup> Penolakan terhadap nilai-nilai tradisional ini dikaitkan dengan tercetusnya rasionalisme Barat sebagai satu nilai yang menolak mitos, dongeng dan agama. Hal ini akan dibincangkan secara lebih lanjut dalam Bab 3 nanti. Pada tahap ini, apa yang penting dijelaskan bahawa dalam tradisi keilmuan Barat moden, nilai-nilai tradisional telah dipinggirkan, dan pemungkiran ini memberikan implikasi terhadap pengertian istilah-istilah tertentu. Ini termasuklah istilah *intellectualism*, yang difahami sebagai satu pemikiran rasional yang bebas daripada unsur serta kepercayaan mitos, dongeng, dan agama. Pengertian ini jelas terkandung dalam *Collins English Dictionary* (1995:1288) yang mengaitkan *intellectualism* dengan *rationalism*, dan justeru *intellectualism* dijelaskan sebagai ‘*the belief that a knowledge and truth are ascertained by rational thought and not by divine or supernatural revelation*’, atau keyakinan bahawa ilmu dan kebenaran itu ditentusahkan oleh pemikiran rasional, dan bukannya oleh sumber wahyu atau alam ghaib. Berdasarkan penjelasan ini, adalah jelas bahawa ‘intelektualisme’ difahami di Barat sebagai satu pemikiran yang merayakan keupayaan manusia untuk berfikir secara rasional, tanpa dipengaruhi sama sekali oleh mitos, dongeng dan agama.

Dalam pemahaman yang sama juga, *The American Heritage Dictionary* (2000:910) mentakrifkan *intellect* sebagai ‘*the ability to learn and reason; the capacity for knowledge and understanding*’, atau keupayaan untuk mengetahui serta mempelajari dan menaakul; kemampuan untuk mengetahui, dan seterusnya memahami ilmu. Takrifan *intellectualism* ini juga jelas menolak aspek emosi atau perasaan dalam proses berfikir. Sehubungan itu, *intellectualism* ditakrifkan sebagai ‘*the exercise or application of the intellect*’, iaitu satu latihan atau pemanfaatan intelek. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, ‘intelektualisme’ (*intellectualism*) di Barat difahami sebagai satu pemikiran rasional yang menolak mitos, dongeng dan agama. Dalam konteks ini, *The American Heritage Dictionary* (2000:1452) mentakrifkan ‘rasional’ (*rational*) sebagai *consistent with or based on reason and logical*, atau konsisten atau berdasarkan taakul dan logik. Gandingan aspek taakul dan logik jelas mendasari pengertian rasionalisme atau *rationalism* yang ditakrifkan sebagai ‘*reliance on reason as the best guide for belief and action*’, atau kebergantungan terhadap taakul sebagai landasan terbaik dalam kepercayaan serta tindak tanduk.

<sup>17</sup> Harvey Cox memetik pandangan C.A. Van Peursen, tentang fikiran rasional yang dianggap menjadikan manusia bertanggungjawab sepenuhnya terhadap diri dan kehidupan, tanpa dipengaruhi atau dikuasai oleh unsur-unsur agama dan mistik.

Takrifan-takrifan ini berupaya menjelaskan pengertian ‘intelektualisme’ yang rata-rata dikonsepsikan di Barat sebagai pemikiran rasional yang didasarkan kepada taakul dan logik, dan meminggirkan aspek perasaan serta emosi yang bersifat subjektif.

Sehubungan itu juga, *Cambridge International Dictionary of English* (1996:739) pula mentakrifkan *intellect* sebagai ‘*the ability to think intelligently and understand, or the ability to do these things to a high level*’, atau kemampuan untuk berfikir dengan cerdas, dan memahami, atau kemampuan untuk berfikir serta memahami pada aras tinggi. Merujuk kepada perkataan *intelligence* pula, kamus ini mentakrifkannya sebagai ‘*the ability to understand and learn and make judgements or have opinion that are based on reason*’, atau kemampuan untuk memahami dan mengetahui, serta membuat pertimbangan, atau memberikan pendapat berdasarkan taakulan. Sehubungan itu, *Cambridge International Dictionary of English* ini turut menjelaskan *intellectualism* sebagai pemikiran yang melibatkan intelek dan bukannya emosi, sebagaimana yang jelas menerusi contoh ayat yang diberikan (makna *intellectualism*) iaitu: ‘*Her writing appeals more to the intellect than the emotion*’ (Tulisan beliau lebih menjentik intelek berbanding dengan emosi). Contoh ayat ini jelas menunjukkan bagaimana perkataan intelek (*intellect*) dibezakan daripada perkataan emosi (*emotion*). Merujuk kepada *rationalism*, kamus ini mendefinisikannya sebagai ‘*the belief or principle that actions and opinions should be based on reason rather than on emotion or religion*’, atau kepercayaan atau prinsip yang menyakini bahawa tindak tanduk dan pendapat manusia harus didasarkan kepada taakulan, dan bukannya emosi atau agama (*Cambridge International Dictionary of English*, 1996:1175). Pengertian ini sejajar dengan penjelasan *Collins Cobulid Advanced Dictionary* (2009:1284) yang mentakrifkan *rationalism* sebagai ‘*the belief that your life should be based on reason and logic*’, ‘*rather than emotions or religious belief*’, atau kepercayaan bahawa kehidupan harus berdasarkan kepada taakulan dan logik, berbanding dengan emosi atau kepercayaan agama. Ini memperkuuhkan lagi maksud ‘intelektualisme’ dalam tradisi keilmuan Barat moden sebagai pemikiran rasional yang merayakan taakulan dan logik, dan meminggirkan aspek emosi serta perasaan, dan nilai-nilai tradisional seperti kepercayaan mitos, dongeng, dan agama.

Sebagaimana yang telah dinyatakan lebih awal, kajian ini menerapkan gagasan PB yang antaranya menangani dua tradisi keilmuan iaitu Barat dan Islam. Perbincangan selanjutnya akan mengupas pengertian ‘intelektualisme’ yang didasarkan kepada pandangan alam Islam. Dalam tradisi keilmuan Islam, istilah yang dianggap paling dekat dan dapat menampung pengertian yang hampir sama dengan perkataan ‘intelektualisme’ ialah istilah *taakul* yang berasal daripada kata akar *akala* atau ‘akal’ (*aql* atau *intellect*). Istilah *taakul* ini merujuk kepada satu kemampuan fakulti kognitif manusia dalam membuat pertimbangan tentang baik buruk sesuatu perkara (Al-Attas, 2011:174). Gerak kerja menimbang inilah yang disebut sebagai *fikr* (atau ‘fikir’), yang merujuk kepada satu kegiatan mental atau kognitif yang melibatkan spekulasi, renungan, dan

pertimbangan yang mendalam tentang baik buruk sesuatu perkara. Sejajar dengan pemahaman ini, *A Dictionary of Modern Written Arabic* (1979:848) menterjemahkan *fikr* sebagai *thinking* (berfikir), *cogitation* (merenung secara mendalam), *reflection* (merenung), *meditation* (bertafakur), *speculation* (spekulasi), *contemplation* (merenung), dan *consideration* (menimbang). Perkataan *fikir* (فِكْرٌ) juga melahirkan perkataan *taakul* (تعَكُّل) yang diterjemahkan sebagai ‘memahami’ (*understanding*), ‘kearifan’ (*discernment*), ‘kebijaksanaan’ (*prudence*), ‘kecerdasan’ (*judiciousness*), dan ‘hikmah’ (*wisdom*) (*A Dictionary of Modern Written Arabic* (1979:737). Dalam konteks terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris, *taakul* rata-rata diterjemahkan sebagai *reason* (*ta'aqqal*) (*The Concise Oxford English-Arabic Dictionary of Current Usage*, 1982:320; *A Learner's English-Arabic Dictionary*, 1972:320). Kesemua kegiatan mental atau kognitif ini akhirnya melahirkan *fikrah* (فِكْرٌ) atau ‘pemikiran’ atau ‘buah fikiran’ (*thought*), ‘idea’ (*idea*), ‘tanggapan’ (*notion*), dan ‘konsep’ (*concept*) (*A Dictionary of Modern Written Arabic*, 1979:848).

Seterusnya, dalam konteks perbandingannya dengan tradisi keilmuan Barat, Syed Muhammad Naquib al-Attas (seterusnya al-Attas) (2011:41-42) menjelaskan bahawa dalam tradisi keilmuan Islam, ‘*aql* (akal) merangkumi ‘intelek’ (*intellect*), dan ‘rasional’ (*rational*). Al-Attas menjelaskan bahawa penggunaan istilah Inggeris iaitu *intellect* dan *rational* dalam penjelasannya bertujuan bagi memperlihatkan perbezaan yang besar dari segi makna antara tradisi keilmuan Islam dengan Barat. Dalam tradisi keilmuan Islam, ‘intelek’ (*intellect*) dapat difahami sebagai satu substansi kerohanian yang berhubung dengan ‘hati’ (*al-qalb*). Manakala, ‘rasional’ (*rational*) pula difahami sebagai satu pancaran kepada ‘intelek’ (*intellect*). Dalam konteks ini, pengertian ‘rasional’ (*rational*) dalam tradisi keilmuan Islam tidak terbatas kepada kemampuannya dalam menanggapi pengalaman empirikal, logika dan dimensi fizikal, sebagaimana yang difahami di Barat. Akan tetapi, ‘rasional’ (*rational*) dalam tradisi keilmuan Islam dianggap juga berupaya meneroka pengalaman kerohanian, dan dimensi metafizika, sebagaimana yang dijelaskan al-Attas (2011:42):

Apa yang dianggap rasional dalam Islam tidak semata-mata berkaitan dengan sistematika fikiran dan penafsiran logis mengenai fakta-fakta pengalaman; atau menjadikan suatu data pengalaman dapat difahami dan disusun oleh akal; atau proses peringkasan fakta, data dan hubungan-hubungannya; atau proses pemahaman fikiran terhadap alam tabii, dan operasi pemberian hukum yang dibuat oleh fikiran terhadap alam. Karena akal rasional adalah suatu penayangan atau pemancaran (*projection*) bagi akal fikiran (*intellect*), maka akal rasional bekerja sesuai dengan akal fikiran (*intellect*), yang merupakan suatu substansi spiritual yang menjadi sebagian dari organ spiritual yang dikenali sebagai ‘hati’ (*al-qalb*). Karena itu pemahaman terhadap realitas spiritual juga berada di dalam ruang lingkup akal dan tidak perlu dipisahkan dari pemahaman rasionalnya.

Sesungguhnya, huraiān al-Attas ini penting kerana ia menjelaskan perbezaan yang signifikan antara pengertian *taakul* dalam tradisi keilmuan Islam, dengan *intellectualism* ('intelektualisme') menurut pemahaman Barat moden. Perbezaan ini pada hakikatnya merujuk kepada peranan dan kedudukan agama sebagai kerangka dasar yang mentakrifkan kedua-dua istilah tersebut, iaitu *intellectualism* dan *taakul*. Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, *intellectualism* menurut tradisi keilmuan Barat moden merujuk kepada pemikiran rasional yang merayakan taakulan dan logik, dan menolak kepercayaan yang bersifat keagamaan. Takrifan ini bertentangan dengan pengertian *taakul* dalam tradisi keilmuan Islam yang merujuk kepada pemikiran rasional yang memancarkan daya intelek yang merupakan satu substansi kerohanian yang berhubung dengan 'hati' (*al-qalb*). Oleh itu, *penaakulan* dalam tradisi keilmuan Islam meliputi bukan sahaja pengalaman empirikal, logika, dan dimensi fizikal, tetapi meliputi pengalaman kerohanian dan dimensi metafizika. Pertentangan makna antara pengertian 'intelektualisme' ini berkait rapat dengan prinsip dan pandangan alam Islam yang tidak memungkinkan berlakunya pemisahan dan penyingkiran makna serta peranan agama dalam kehidupan manusia, atau disebut di Barat sebagai Sekularisme. Persoalan ini akan dibincangkan secara lebih lanjut dalam Bab 3 nanti.

Perbincangan pada tahap ini berusaha memperlihatkan perbezaan faham 'intelektualisme' dalam dua tradisi besar dunia, iaitu Barat dan Islam. Dalam konteks perbezaan ini, kajian ini akan menggunakan pakai pengertian *taakul* dalam tradisi keilmuan Islam sebagai definisi operasional. Pengertian *taakul* tersebut merujuk kepada pemikiran rasional yang memancarkan daya intelek yang merupakan satu substansi kerohanian yang berhubung dengan 'hati' (*al-qalb*). Pemikiran (*taakul*) ini bukan sahaja meliputi pengalaman empirikal, logika, dan dimensi fizikal, tetapi juga pengalaman kerohanian dan dimensi metafizika.

Pengertian di atas dipilih sebagai definisi operasional berdasarkan kepada beberapa sebab. Pertama, kesignifikantan peranan yang dimainkan oleh Islam dalam sejarah dan tradisi kesusasteraan Melayu. Kedatangan Islam diperakukkan oleh para sarjana telah mengangkat orientasi kesusasteraan Melayu, daripada tradisi Animisme yang berlekar sekitar alam tahuul dan khurafat dan tradisi Hinduisme yang bertunjangkan feudalisme, kepada tradisi persuratan yang berteraskan ilmu. Sehubungan itu, zaman Islam di Alam Melayu dianggap sebagai zaman kemuncak kegemilangan kesusasteraan Melayu. Persoalan ini akan dibincangkan secara lebih terperinci dalam Bab 3. Pada tahap ini, apa yang penting difahami adalah betapa signifikannya peranan yang dimainkan Islam dalam sejarah dan tradisi kesusasteraan Melayu. Lebih relevan lagi, Islam sehingga ke hari ini masih kekal bertapak dalam kegiatan kesusasteraan Melayu, hatta setelah kedatangan Barat di Alam Melayu. Hal ini jelas apabila kegiatan kesusasteraan Melayu pada hari ini memperlihatkan kecenderungannya yang ketara terhadap Islam, sebagaimana yang antaranya jelas pada kemunculan fenomena wacana 'sastera Islam'. Terlepas daripada soal kedalaman dan ketulenan pemahaman terhadap Islam dan tradisi

keilmuannya yang sedia menjadi pertikaian, soal kecenderungan kesusasteraan Melayu hari ini terhadap Islam hatta jika dikatakan pada tahap permukaan sekalipun, sudah dapat mewajarkan pilihan kajian ini yang mengguna pakai pengertian *taakul* dalam tradisi keilmuan Islam sebagai takrifan kerja.

Kedua, dan memperkuatkan lagi sebab di atas ialah kesedaran Anwar Ridhwan sendiri sebagai sasterawan Melayu yang beragama Islam yang memperakukan Islam sebagai teras tradisi kesusasteraan Melayu. Dalam satu tulisannya yang bertajuk “Menyaring Pengalaman Manusia untuk Kebaikan Manusia: Fungsi Tekal dalam Karya Sastera Nusantara” (2013),<sup>18</sup> Anwar Ridhwan antara lain memperakukan bahawa Islam dan ajarannya (disebut sebagai ‘konsep kekhalifahan di muka bumi’) telah menjadi teras pemahaman para sasterawan Melayu, sebagaimana yang ditulis Anwar (2013:a224):

Pujangga Melayu selain membina dan menjalin indah karyanya, juga menyempurnakan peranan sebagai *pontifex*<sup>19</sup> itu. Jika yang dikarang adalah kitab-kitab agama, beliau berperanan sebagai khalifah membimbing manusia ke jalan keredaan llahi. Jika yang ditulis adalah kitab-kitab tib atau perubatan, beliau memberi petua-petua kesihatan yang baik untuk lelaki dan wanita. Jika yang dikarang adalah tentang bangsa dan kerajaan, beliau tidak lupa mengajar secara halus tentang nilai-nilai mulia, cara hidup bermasyarakat, nilai-nilai budaya luhur, keadilan dalam masyarakat dan sebagainya. Pemikiran ini [konsep pengarang sebagai khalifah Allah di bumi] mengabsahkan peranan serta tanggungjawab pengarang Melayu-Islam dalam suatu kerangka iltizam keagamaan dan keumatan. Pengarang Melayu-Islam itu, dalam tradisi minda Melayunya, harus memainkan peranan khalifah dalam konteks melahirkan karya sastera.

Tidak kurang penting juga ialah pengakuan Anwar Ridhwan yang mengaku memahami ‘sastera’ dan ‘kesusasteraan’ berdasarkan kepada pandangan alam Islam. Pengakuan ini terserlah dengan jelas pada pidato yang disampaikan oleh beliau ketika menerima Anugerah Sastera Negara ke-10, sebagaimana yang dapat diamati pada petikan di bawah ini:

Sastera itu adab persuratan,  
Pelbagai makna serta tafsiran,  
Namun bakat serta indah penulisan  
Tentang Tuhan, makhluk-Nya dan pemikiran.

<sup>18</sup> Makalah ini termuat dalam buku *Pencari Kesempurnaan* (2013).

<sup>19</sup> Anwar menggunakan istilah dan pemahaman oleh Md Salleh Yaapar tentang konsep *pontifex* ini bagi merujuk konsep kekhalifahan manusia di bumi menurut ajaran Islam.

Bakat dan karya ada tanggungjawabnya,  
Berbuat di dunia balasannya di alam baqa,  
Diingatkan Allah menjadi khalifah-Nya  
Bantu membimbing umat manusia...

Hindari kutukan kepada penyair sesat,  
Dalam Ash-Shu'ara telah tersurat,  
Yang ditulis benar itulah yang diperbuat,  
Taqwa itu memandu pena menyurat.

Ketiga, kesesuaian definisi operasional yang dipilih dengan teras gagasan PB yang menjadi kerangka analisis. Dalam hal ini, gagasan PB tertegak di atas falsafah *Taklif* yang memperakukan soal keterikatan manusia dengan janji untuk menyembah Penciptanya. Soal keterikatan ini diperjelaskan dalam al-Qur'an menerusi *Surah al-A'raf* Ayat 172 yang menjelaskan tentang kesanggupan manusia untuk beribadah kepada Allah SWT di sepanjang kehidupan mereka di muka bumi. Kesemua ini akan dibincangkan secara panjang lebar dalam Bab 3 nanti. Pada tahap ini, apa yang penting dijelaskan ialah kedudukan Islam yang menjadi paksi dalam pembentukan gagasan Persuratan Baru. Dengan paksi Islam ini, pemilihan pengertian *taakul* dalam tradisi keilmuan Islam sebagai takrifan kerja dapat dianggap sejajar, tidak bercanggahan atau bertentangan, dan justeru mampu memantapkan analisis, dan seterusnya penemuan dan kesimpulan.

Sehubungan itu, satu perkara penting yang perlu dijelaskan ialah soal penggunaan istilah ‘intelektualisme’, yang akan diguna pakai sepanjang kajian ini bagi menganalisis karya-karya Anwar Ridhwan. Sebagaimana yang telah dibincangkan lebih awal, istilah ‘intelektualisme’ berasal daripada tradisi keilmuan Barat moden, dan merujuk kepada pemikiran rasional yang merayakan taakulan dan logik, dan meminggirkan aspek emosi serta perasaan, dan nilai-nilai tradisional seperti kepercayaan mitos, dongeng, dan agama. Akan tetapi, dalam kajian ini, istilah ‘intelektualisme’ akan diguna pakai bagi menampung pengertian *taakul* dalam tradisi keilmuan Islam. Penggunaan istilah ‘intelektualisme’ dan bukannya taakul dalam kajian ini adalah mengambil kira soal kelancaran penghujahan dan bagi mengelakkan kekeliruan. Ini kerana istilah ‘intelektualisme’ telah diguna pakai oleh para pengkritik dan sarjana sastera dalam perakuan serta pujian mereka terhadap karya-karya Anwar, sebagaimana yang telah disoroti pada awal kajian. Ini bererti, istilah ‘intelektualisme’ dalam kajian ini merujuk kepada pemikiran rasional yang memancarkan daya intelek yang merupakan satu substansi kerohanian yang berhubung dengan ‘hati’ (*al-qalb*), yang bukan sahaja meliputi pengalaman empirikal, logika, dan dimensi fizikal, tetapi juga pengalaman kerohanian dan dimensi metafizika. Pengertian ‘intelektualisme’ inilah yang menjadi definisi operasional bagi kajian ini.

## **1.8 Organisasi Pembahagian Bab**

Bagi memudahkan perbincangan diikuti, kajian ini secara keseluruhannya akan dibahagikan kepada lima bab. Pembahagian bab ini bertolak daripada keperluan-keperluan penting kajian ini seperti yang akan dijelaskan nanti. Sebagaimana yang telah diikuti, Bab 1 diperuntukkan bagi menyoroti kajian-kajian sedia ada, guna mengenal pasti Permasalahan Kajian dan Objektif Kajian. Selain itu, bab ini juga menjelaskan tentang pertimbangan-pertimbangan dalam pilihan kerangka analisis, bahan-bahan kajian dan definisi kerja yang diguna pakai sepanjang kajian ini.

Seterusnya, Bab 2 akan menumpukan perbincangan berkenaan kedudukan Anwar Ridhwan sebagai seorang sasterawan yang sedia mengukir namanya dalam dunia kesusasteraan Melayu. Untuk itu, perbincangan dalam bab ini tertumpu pada latar belakang peribadi beliau termasuk keluarga, pendidikan, kerjaya dan pencapaiannya dalam bidang kesusasteraan. Ini termasuklah penglibatan beliau dalam persatuan-persatuan membabitkan kesusasteraan. Perbincangan dalam bab ini akan berusaha untuk mengenal pasti persepsi Anwar tentang ‘intelektualisme’ dan kaitannya dengan resepsi-resepsi kritis yang diberikan oleh sarjana dan pengkritik sastera seperti yang dikenal pasti dalam Sorotan Literatur.

Seterusnya, Bab 3 pula akan berfokus pada perbincangan tentang PB sebagai kerangka analisis. Perbincangan akan meliputi latar belakang dan perkembangan semasa yang mencetuskan PB, falsafah, dan seterusnya prinsip-prinsip PB yang akan diterapkan dalam analisis bahan-bahan kajian. Turut dibincangkan ialah latar belakang Mohd. Affandi sebagai pencetus gagasan PB yang maklumat mengenainya dianggap relevan terutamanya bagi memperlihatkan kecenderungan yang melatari gagasan PB.

Selanjutnya, Bab 4 dikhatusukan untuk menganalisis teks-teks kajian, dan seperti yang telah dinyatakan, PB dipilih sebagai kerangka analisis. Untuk itu, bab ini akan memperlihatkan bagaimana falsafah dan prinsip PB diterapkan dalam analisis teks-teks kajian. Bagi memantapkan lagi analisis teks, beberapa kajian sedia ada akan dimanfaatkan sama ada untuk tujuan pengukuhan atau penangkisan hujah-hujah tertentu. Sebagaimana yang telah dinyatakan juga, bahagian awal sebelum analisis teks akan menghujahkan pewajaran pemilihan teks sebagai bahan kajian. Kesemua analisis dan penghujahan dalam bab ini tertumpu terhadap usaha untuk merumuskan soal intelektualisme dalam novel-novel Anwar Ridhwan.

Bab 5 akan melakarkan kesimpulan berdasarkan penemuan-penemuan yang diperolehi daripada analisis teks-teks kajian. Penghuraian yang dilakukan dalam bab ini distrukturkan bagi merealisasikan objektif-objektif kajian, dan seterusnya merungkaikan permasalahan yang dibangkitkan. Oleh itu, bab ini diharapkan akan dapat memberikan jawaban terhadap persoalan-persoalan yang ditimbulkan berkaitan intelektualisme dalam karya-karya Anwar.

Lanjutan itu, adalah menjadi harapan agar usaha ilmiah yang direalisasikan dalam tesis ini bukan sahaja menyumbang dalam memperkayakan korpus ilmiah, tetapi dan lebih penting lagi merungkaikan permasalahan berkaitan ilmu dan epistemologi dalam kesusasteraan Melayu.



## BIBLIOGRAFI

- al-Qur'an dan Terjemahan (Rasm Uthmani)*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
- A. Wahab Ali. (Ogos 2002). Pemikiran Satira Mohd. Affandi Hassan. *Dewan Sastera*. 44-49.
- \_\_\_\_\_. (2004). *Tradisi Pembentukan Sastera Melayu Moden*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- A.H. Johns. (30 April 1972). Men In A Merciless World: The Work of Shahnon Ahmad. *Sunday Mail*. 5-8.
- Abdul Salam Yusof. (2005). Pandangan al-Ghazali Terhadap Proses Mendapat Ilmu. *Jurnal Yadim*. (7): 41-49.
- Abdullah Tahir. (1995). Novel-Novel Mohd. Affandi Hassan: Meneliti Kemungkinan Penerapan Konsep Persuratan Baru Melayu. Dalam Kongres Bahasa Melayu Sedunia. Kumpulan Kertas Kerja (1). Nombor Panggilan PL 5102K821995. (50-56). Serdang. Universiti Putra Malaysia.
- Abu Hassan Morad. (10 Disember 1988). Gagasan Sastera Islam Shahnon Dipertikai: 'Tok Guru' Menghina?. *Berita Harian*. 8-13.
- Adman Salleh. *Pengalaman Mengarahkan Telemovie Arus Pawang Kri dan Pemikiran Yang Saya Temui*. Makalah dibentangkan dalam Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Anwar Ridhwan, Kuala Lumpur. 2-3 Julai 2013.
- Ahmad Sarju. (Februari 2009). Intan Bersinar di Sungai Besar. *Dewan Sastera*. 16-18.
- Al-Attas. S.M.N. (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (Februari 1992a). Letakkan Masing-Masing Pada Tempatnya. *Dewan Sastera*. 6-13.
- \_\_\_\_\_. (Mac 1992b). Letakkan Masing-Masing Pada Tempatnya. *Dewan Sastera*. 25-31.

